Jebat: Malaysian Journal of History, Politics, & Strategic Studies, Vol. 38 (1) (2011): 107 - 145
@ School of History, Politics & Strategic Studies, UKM; ISSN 2180-0251 (electronic), 0126-5644 (paper)

**SUHAIMI Abdan**
Universiti Kebangsaan Malaysia
**NORDIN Hussin**
Universiti Kebangsaan Malaysia

# PEMBANGUNAN DAN PERKEMBANGAN EKONOMI SINGAPURA 1961-1966

*Selepas berkuasa pada bulan Julai 1959, pemerintah Singapura di bawah kepimpinan Lee Kuan Yew telah melancarkan Pelan Pembangunan 1961-64. Tujuan pelan ini dilancarkan adalah untuk membawa perubahan ekonomi Singapura dan meraih sokongan penduduk. Singapura perlu menjana ekonomi yang lebih besar, dan dapat memenuhi keperluan domestik serta pasaran global. Penggabungannya dengan Persekutuan Tanah Melayu membolehkannya mendapat akses kekayaan sumber alam dan bekalan air untuk keperluan industri Singapura. Konfrantasi Indonesia-Malaysia serta masalah politik dalaman mempercepatkan hasrat Singapura menyertai gagasan ini. Hasil kajian mendapati Singapura amat berharap kepada persekitaran yang aman dan penyelesaian konflik yang segera untuk kemajuan dan pembangunan Singapura. Sebagai sebuah negara kecil di rantau dunia Melayu, Singapura terpaksa bertindak secara bijaksana apabila timbul sesuatu isu berhubung kedaulatannya, dan hubungannya dengan negara jiran. Kesimpulannya, Singapura cuba menangani hambatan terhadap kemajuan ekonomi dan menangani konflik dengan negara jiran bagi kepentingannya di rantau Asia Tenggara.*

***Katakunci:*** *Pembangunan nasional, kemajuan ekonomi, kedaulatan, saingan politik dan pengiktirafan politik.*

*Since Lee Kuan Yew came to power in 1959 he had initiated the Economic Development Plan for Singapore for the year 1961-64. One of the main aims of the development plan initiated by Lee was to develop Singapore into a modern economy and at the same time to gain political support from the divided Singaporeans. It was crucial for Singapore to boost its economy in order to meet the domestic and global demand. Singapore also had benefited from her merging with Malaysia where natural wealth and water supply from Malaysia were taken into her advantage. This research also tries to show that a peaceful environment is crucial for the progress and development of Singapore. As a tiny country in the midst of the Malay world, Singapore has to play her vital role judiciously in building good relations with her immediate neighbours. In conclusion Singapore tries to resolve every conflict with her neighbours in order not to hamper her progress and her survival in this region.*

***Keywords***: *National development, economic progress, political struggle, sovereignty and survival.*

## Pengenalan

Selepas berkuasa pada bulan Julai 1959,[1] pemerintah Singapura melancarkan Pelan Pembangunan 1961-64. Menerusi pelan ini, pemerintah melihat proses perindustrian berpotensi memajukan ekonomi Singapura. Bagi mencapai hasrat tersebut, pemerintah Singapura telah membangkitkan semula pelan penggabungan[2] dengan Persekutuan Tanah Melayu (PTM). Hasrat Singapura itu disokong kuat oleh Kerajaan Britain kerana kepentingannya kepada Britain. Misi Bank Dunia turut menyokong penggabungan ini tetapi dibantah oleh Barisan Sosialis yang merupakan parti pembangkang di Singapura. Penggabungan ini akan membolehkan Singapura menguasai pasaran domestik yang besar[3] melalui perlaksanaan dasar ekonomi baru. Menurut pemerintah Singapura, sandaran kepada dasar entreport yang ingin dipertahankan oleh British[4] akan menghadkan kemajuan Singapura.[5]

Artikel ini cuba menjelaskan hambatan yang dihadapi Singapura dalam usaha merancakkan pembangunan di negara kecil itu dari tahun 1961 hingga 1966. Ia juga menjelaskan bagaimana pemerintah menangani isu membabitkan hubungannya dengan negara jiran dan peranan kerajaan Britain dalam hubungan tersebut. Ia juga menjelaskan bagaimana pemerintah menangani pengaruh Barisan Sosialis berhubung isu-isu berkaitan. Hubungan ini penting kepada Singapura untuk kelangsungan ekonomi serta politik pemerintah yang masih baru. Selain memerlukan pasaran domestik yang besar dan memenuhi pasaran global, Singapura juga cuba mendapatkan keperluan asas yang lain bagi pembangunan industri di negara itu. Maka, hubungan dengan Persekutuan Tanah Melayu (PTM) merupakan landasan kukuh ke arah memantapkan ekonomi Singapura dan mengukuhkan kuasa pemerintah.

## Hubungan Ekonomi Singapura Dengan PTM

Sejak pendudukan British di Singapura bermula pada tahun 1819, Singapura dan Tanah Melayu dianggap sebuah entiti kepada Britain.[6] Ini kerana Singapura

---

[1] Parti Tindakan Rakyat (PAP) di bawah pimpinan Lee Kuan Yew telah memenangi pilihanraya 1959 mengatasi pencabarnya David Marshall dari Parti Buruh dan John Laycock dari Parti Progresif. Dengan kemenangan itu, Singapura layak mendapat status berkerajaan sendiri, dan Lee Kuan Yew dilantik menjadi Perdana Menteri Singapura yang pertama.

[2] Isu penggabungan pernah dibangkitkan Lee Kuan Yew pada tahun 1957. Kemudian idea ini disampaikan kepada Kerajaan British dan Tunku Abdul Rahman oleh David Marshall dan Lim Yew Hock pada tahun 1958 tetapi dilupakan seketika apabila mendapat tentangan UMNO. Lih. Mohd. Noordin Sophiee, *From Malayan Union to Singapore separation*, hal. 106, 112; *The Straits Times*, 15.6.56, hal. 1. Lih. juga Federation of Malaya, *Parliamentary Debates* (Dewan Ra'ayat), 16.10.61, col. 1598. Tunku sendiri tidak mahu Singapura dimasukkan ke dalam PTM kerana ia tidak perlu tergesa-gesa mendapatkan kemerdekaan. Menurut Tunku, fungsi Singapura sama seperti Sepanyol dengan Gibraltar, China dan Hong Kong (H.K), dan menganggap Singapura hanya sebuah pangkalan bukan kepada Britain tetapi kepada seluruh dunia. Lih. *Manchester Guardian*, 6 August 1955; *Times*, 6 August 1955.

[3] Lih. *Exports of Domestic Products, 1956-59*, Chief Statistician, Singapore, Appendix, Tab. 13. Umpamanya, Tanah Melayu dan Borneo mempunyai pasaran domestik untuk 10 juta orang dan meningkat dari $600 juta kepada $2000 juta setahun.

[4] Parliamentary Debates (Hansard), *House of Lords, Official Report*, vol. 252, no. 123, 26 July 1963, Col. 952. Lih. kenyataan Sir J. Nicoll berhubung pendekatan tersebut sebagai kesinambungan dan perluasan ekonomi British di seluruh pelusuk dunia. Lih. juga Joint Standing Committee of the Chamber of Commerce of Singapore, *Minutes of Evidence*, 13 June 1962, hlm. D14, col. 28.

[5] State of Singapore, *Development Plan 1961-64*, hlm. 18.

[6] T.H. Silcock, *The Commonwealth economy in South East Asia*, Cambridge University Press, 1969; Lim Chong Yah, *The economic development of Modern Malaya*, OUP, Singapore, 1967.

adalah sebahagian dari ekonomi Tanah Melayu dalam empayar British. Singapura pernah berkata, ‘kemakmuran negara jiran boleh mewujudkan ‘hubungan dagang’[7] dan ‘kerjasama politik’.[8] Lee menjelaskan kelangsungan ekonomi penting kepada kedua-dua wilayah.[9] Begitu juga dengan Tunku yang tidak menafikan kepentingannya[10] dari segi hubungan industri,[11] sosio budaya dan sejarah[12] serta hubungan antara kerajaan[13] yang dapat menghasilkan kerjasama ekonomi dan politik yang lebih luas lagi.[14]

Pada masa yang sama, Singapura dilihat lebih suka menjalinkan hubungan dengan Kerajaan Britain (U.K) daripada bergantung dengan negara lain[15] terutama kelebihan mendapatkan sumber kewangan[16] melalui tukaran wang asing. Bagi Britain, langkah tersebut dialu-alukan.[17] Tambahan pula, hubungan Singapura-U.K telah sekian lama terjalin. Hal ini mewajarkan Singapura menjalinkan hubungan dagang di peringkat antarabangsa.[18] Lebih-lebih lagi, kedudukan Singapura amat strategik sebagai hub kewangan dan pusat pengedaran komoditi di rantau Asia Tenggara.

Namun begitu, amalan melaksanakan dasar fiskal oleh PTM dan negara-negara Dunia Ketiga lewat tahun 1960-an tidak disenangi Singapura. Langkah itu menyebabkan nisbah eksport dan import melalui pelabuhan Singapura merosot 3.5% dari 32.5% pada tahun 1960.[19] Manakala importnya merosot 11.4% dari 41.4% pada tahun 1959.[20] Imbangan bayaran Singapura pula meningkat enam kali ganda dari $115.9 juta pada tahun 1959[21] kepada $766.6 juta pada tahun 1960. Manakala, eksport Persekutuan meningkat separuh pertama pada tahun 1957 iaitu $24,961,000 dan nilai dagangan import meningkat $91,446,000 pada tahun 1956 dalam tempoh

---

[7] *The Straits Times*, Jan 1, 1960, hlm. 7.

[8] Parliamentary Debates (Hansard), *Extracts from House of Commons Official Report*, Vol. 681, No. 151, 19.7.63, “Malaysia Bill”, col. 922-1008. Lih. dlm. Jabatan Perdana Menteri, *Malaysia Bill, UK Official Proceedings sent to Hon. DPM*, 26650/1, hlm. 3.

[9] A broadcast talk by Lee Kuan Yew, dlm. *The Strait Times*, 18th September 1961.

[10] Tunku Abdul Rahman, Malaysia: key area in SEA, reprinted from Foreign Affairs, *An American Quarterly Review*, July 1965, hlm. 663.

[11] CO1030/1175, *Extract from Malaysian and Singapore Relations*, 24.8 – 8.9.65; *Extract from Malaysian Times*, 24.8 – 8.9.65.

[12] Yang Di-Pertua Negara Singapura, En. Yusof Ishak menegaskan Singapura adalah sebahagian dari Tanah Melayu dari segi sejarah, geografi dan hubungan persaudaraan.

[13] Lih. *Subjects on which there must be consultation and co-ordination on policy, and where appropriate, administration between the Governments of Singapore and the Federation of Malaya*, chapter III to chapter IV, para. 28-36, hlm. 13-15.

[14] Perbendaharaan, (50-70) 191/1-1, *Economic Plan and Programes, financial data on Singapore EDB*, Singapore, t.th.

[15] CO 852/1810, *Letter from H.T Bourdillon, UK Commissioner, Singapore, to A.N Galsworthy, ESq.*, CO, London, 1st September 1960.

[16] CO 937/512, *Inward Telegram from Singapoe (Acting UK Commissioner) to the S of S for the Colonies*, (Confidential), No. 271, 5th July 1960.

[17] Roger W. Weiss, Economic nationalism in Britain in the nineteenth century, dlm. Harry G. Johnson, (pnyt.), *Economic nationalism in old and new states*, George Allen and Unwin Ltd., London, 1968, hlm. 40-41. Mengikut Jawatankuasa Macmillan 1930, pinjaman luar digalakkan untuk mencipta pasaran eksport bagi barangan Britain. Jadi, pinjaman dari Britain dianggap sebagai eksport modal. Ia sama seperti mengeksport barangan.

[18] FO 1091/105, *Note by S.P. Whitley on Joint Working Party on merger*, 1959.

[19] PRO 258/55, Speech of the Chairman, Mr. F.C. Lane, at the AGM on 28.3.55, *From PRO Singapore to SCC, 1955*.

[20] Lih. *Singapore’s Shares in Exports and Imports of The Federation of Malaya, 1950-59*, MSB of The Federation of Malaya, Appendix, Tab. 27.

[21] Lih. Estimates of Balance of Payments, 1956-59, (in Mil. M$), Appx. Tab, 19; MITI, *Economic Survey of Singapore*, Singapore, 1984.

yang sama.[22] Pembinaan subsidiari asing di Negeri-negeri Melayu (NNM) menyebabkan Singapura menuduh Kuala Lumpur cuba mengenepikannya[23] dan menghalang Singapura mengeksploitasi bahan galian, pertanian serta hasil balak di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.

Oleh itu, Singapura telah membawa idea penggabungan untuk pertumbuhan ekonomi kedua-dua pihak.[24] Persatuan Kebangsaan Pelajar Malayan di Singapura menyatakan bahawa konsep Persekutuan dapat memberi sumbangan besar kepada seluruh penduduk dari segi pembangunan ekonomi, politik dan sosial.[25] Secara tersirat, Singapura sebenarnya berhasrat menguasai kekayaan sumber alam di NNM di sebalik Pasaran Bersama yang ingin diwujudkan antara Singapura dan Kuala Lumpur.

**Keperluan Pasaran Bersama**

Oleh itu, Singapura cuba merebut peluang menjana pembangunan ekonominya melalui perlaksanaan Pelan Pembangunan 1961-64.[26] Tambahan pula, segala kemudahan asas seperti Kawasan Perindustrian Jurong, pembinaan jalan raya, sistem komunikasi dan perkhidmatan awam bagi menyokong program perindustrian telah disediakan oleh EDB untuk mengeksploitasi kekayaan sumber alam di Tanah Melayu dan Borneo.[27] EDB menjelaskan terdapat banyak bahan galian di Tanah Melayu dan Borneo seperti *ilmenite*, *monazite*, *zircon*, *columbite*, *tantalite*, bauksit dan *manganese* yang boleh dieksploitasi bagi perusahaan berasaskan logam dan produk kimia.

Dalam bidang pertanian dan pembangunan sumber hutan, integrasi sektor industri membuka banyak peluang pelaburan. Ini termasuk minyak dari biji getah, industri berasaskan kayu balak, pulpa dan kertas, penggunaan serat getah dan biji kelapa sawit, minyak asas, alkaloid dan produk tanaman herba, resin dari pokok jelutong dan getah perca, ekstrak minyak hitam dari kulit bakau, kanji dan produk kimia dari sagu dan ubi kayu. Singapura mengesyorkan Tanah Melayu menumpukan perhatian kepada program pertanian, pemuliharaan dan rancangan penanaman semula pokok balak secara intensif bagi memastikan bekalan berterusan.

Untuk manfaat semua negeri dalam Persekutuan, Misi Bank Dunia menyarankan ekonomi Tanah Melayu diintegrasikan dengan ekonomi Singapura melalui dasar industri.[28] Badan itu tidak pula menyokong industri besi dan keluli didirikan di Singapura. Singapura tetap juga mahu meneruskan hasrat itu kerana ingin memanfaatkan bahan tersebut yang terdapat di serata tempat di Persekutuan. Pada masa yang sama, industri tersebut merupakan fokus perindustrian seluruh dunia

[22] *Malayan Trade Digest*, February 1, 1961, hlm. 1.

[23] *The Chairman's statement by Mr. M.F. Cutler, SCC* 1957.

[24] *Speech by the Minister for Finance, Mr. Lim Kim San,* November 19, 1965, Singapore Government Press Statement, MC.NOV.29/65(FIN); Lih. juga Parliament Debates (Hansard), *House of Lords, Official Report, Malaysia Bill – Second Reading and Remaining Stages*, vol. 252, no. 123, 26 July 1963, col. 938. Menurut Ketua Misi Bank Dunia, M. Rueff 'pada dasarnya, penggabungan dapat mewujudkan ekonomi yang lebih besar, … dan ... dapat mewujudkan kestabilan'.

[25] Lih. National Union of Malayan Student, *The emergence of Malaysia: the story of her emergence*, Arkib Negara, Kuala Lumpur, 1965, hlm. 3.

[26] *Letter from Chief Statistician, Federation of Malaya to Mr. R. Subramaniam,* Notes for UN on: Population growth and economic development, Stats.2/305/4, EPU, Prime Minister's Department, Department of Statistics, Kuala Lumpur, PTM, (Rahsia), 2 September 1963. Pada tempoh yang hampir sama, PTM juga melaksanakan Pelan Lima Tahun Kedua 1961-65 yang telah merangka perancangan untuk pembangunan sosio ekonomi secepat mungkin.

[27] *Economic Development Board Annual Report*, 1963, hlm. 6.

[28] A Mission of the IBRD, *A Report on the Economic Aspects of Malaysia*, 1963, hlm. 37-39.

sekitar tahun 1950-an dan awal 60-an[29] kerana permintaan yang tinggi terhadap logam di pasaran antarabangsa. Menurut analisis UN, jumlah tambahan nilai dalam semua aktiviti industri di seluruh dunia masih rendah; di Asia hanya 4.3% pada tahun 1958 jatuh 0.2% berbanding tiga tahun sebelumnya. Jadi, Singapura cuba menceburi semua bidang industri supaya menjadi pengedar terbesar di Asia Tenggara (Indonesia 3.1%, Malaysia 1.5%, Thailand 1.1%, Burma 0.8%, Filipina 2.1%). Jepun dan India merupakan pengedar terbesar di Asia; masing-masing 59.7% dan 18.1%, negara lain di bawah 3.3% tetapi jumlah tersebut belum memadai bagi memenuhi permintaan dunia. Oleh itu, Singapura cuba merancakkan peranan entreport dengan cara memperluaskan peranan 'perdagangan entreport' kepada 'perusahaan entreport' apabila Pasaran Bersama dipersetujui bersama.[30]

Bagi mencapai hasrat tersebut, Menteri Kewangan Singapura, Dr. Goh Keng Swee menyokong penggabungan. Katanya, 'penggabungan dapat mengatasi permasalahan Singapura'[31] terutama keperluan air bagi industri Singapura. Keperluan air bukan perkara baru kepada Singapura.[32] Justeru, air telah menjadi salah satu sebab penggabungan Singapura dengan Kerajaan Persekutuan selain keperluan bahan mentah untuk industri Singapura.

## Keperluan Air

Tahun 1963 memperlihatkan perkembangan industri baru dan peningkatan pengeluaran serta gunatenaga bagi industri sedia ada. Dari pandangan pelabur dalam dan luar, keadaan ini merupakan penentu utama membuat pelaburan. Begitu juga, Misi Bank Dunia melaporkan keadaan ini membuktikan kesediaan Singapura menarik pelaburan swasta.[33] Sistem perbankan yang maju serta sumber kewangan jangka panjang dan sederhana dapat meningkatkan keyakinan pelabur.

Sebenarnya, usaha mendapatkan keperluan air telah lama disedari pihak British bagi kegunaan awam dan tentera. Usaha mendapatkan sumber air bersih telah dimulakan oleh Syarikat Sir Bruce, Wolfe Barry & Partners pada tahun 1955[34] apabila penggunaan air semakin meningkat bagi keperluan industri dan perumahan. Kemudian, usaha mendapatkan bekalan air dari Johor dijalankan setelah berlaku kemarau panjang. Maka, perjanjian mendapatkan bekalan air dari Johor ke Singapura antara Kerajaan Negeri Johor dengan pihak British (Majlis Bandaran Singapura) dimeterai pada tahun 1858[35] dan 1956.[36] Namun begitu, perjanjian ini tidak menjamin bekalan air yang mencukupi berikutan kepesatan ekonomi dan pertambahan penduduk.[37]

---

[29] Lih. E. Stuart Kirby, *Economic development in East Asia,* George Allen & Unwin Ltd., London, 1967, hlm. 148-49, 155

[30] *Agreement between the Government of the Federation of Malaya and Singapore on Common Market and Financial Arrangements*, Annex J, Document X.

[31] *Malayan Trades Digest*, March 1, 1962, hlm. 1.

[32] Lih. CO 273/5, *From E.A Blundell, The Governor of S.S to Mr. H.S MacKenzie*, 8.1.58.

[33] A Mission of the IBRD, *Report on the Economic Aspects of Malaysia*, hlm. 35.

[34] CO 953/9/1, *Waterworks Extension*, PRO, 1950.

[35] CO 273/5, *From Mr. Tan Kim Seng to Mr. H. Somerset MacKenzie*, 18 November, 1858.

[36] Lih. Office of the Commissioner of Lands & Mines, Johore, *New water-works agreement with Singapore City Council,* State Secretary Johor, SSJ.8/48, 5 March 1956; Lih. juga *Letter from A. Rahman bin Ja'afar for State Secretary Johor, to the Hon. The British Adviser, et. al*., New Water Agreement with City Council, Singapore, re Land Claused etc., Heads of Agreement (First Draft), Ref. SS.Conf.8/40, 3 April 1956.

[37] Straits Budget, *Singapore faces water crisis*, 15.2.1950.

Dalam tempoh lima tahun, permintaan air meningkat dari 32,566 juta gelen pada tahun 1950 kepada 50,062 juta gelen pada tahun 1955.[38] Menjelang tahun 1955, Singapura hampir mengalami kehabisan bekalan air sekadar cukup sehingga tahun 1960.[39] Untuk menangani masalah tersebut, MBS telah mengambil langkah menambah bekalan air yang menelan belanja £8,000,000[40] bagi memenuhi permintaan bekalan air untuk program pembangunan.

Jadual 1.1 Penggunaan Air Bersih 1953-1963

| | **1953** | **1961** | **1962** | **1963** |
|---|---|---|---|---|
| Purata guna sehari/gelen | 42,097,000 | 65,613,0001 | 69,614,001 | 61,099,000 |
| Bil. Pengguna Berdaftar | 52,515 | 10,859 | 23,434 | 137,535 |
| Penduduk | 1,250,000 | 1,700,000 | 1,750,000 | 1,800,000 |

*Sumber: Annual Report of the Water Department 1963*

Kemarau pada awal tahun 1963 telah menjejaskan operasi industri, dan air terpaksa dicatu dari 23 April hingga 31 Disember 1963. Catuan air terpaksa dilakukan menyebabkan penggunaan air menurun dari 69,614,000 gelen kepada 61,099,000 gelen sehari pada tahun 1963. Bekalan air mulai terjejas sejak tahun 1953 apabila berlaku taburan hujan yang sedikit. Maka, cadangan menambah bekalan air pada hari biasa dan darurat telah dirancang untuk keperluan masa hadapan.[41] Hal ini termasuk merundingkan perjanjian mengenai bekalan air antara Kerajaan Johor dan Singapura pada tahun 1955. Memandangkan industri semakin berkembang pada tahun 1960-an, maka keperluan air semakin diperlukan. Menjelang tahun 1960, permintaan terhadap air bertambah kepada 20 juta gelen sehari untuk memulakan Pelan Pembangunan Singapura 1961-64 dan Pelan Industri 1967. Sebanyak S$67.1 juta telah diperuntukkan untuk mendapat sumber bekalan air baru dari Johor.[42]

Sebagai langkah pertama, pembinaan Kolam Air di Bukit Perupok sepanjang 17,800 kaki dimulakan pada tahun 1962 dan siap setahun kemudian untuk bekalan air ke Kawasan Perindustrian Jurong. Rancangan Sungai Skudai siap penghujung tahun 1964 membekalkan air antara 15-30 m.g.d. Pemasangan saluran paip sepanjang 60" melalui bandar Johor Bahru terpaksa ditangguh kerana menunggu pengesahan Kerajaan Negeri Johor dan Pentadbiran KTM. Pada 23 April 1963 catuan air terpaksa dilakukan apabila taburan hujan di bawah purata dan catuan diteruskan sepanjang tahun. Jumlah simpanan air pada 31 Disember 1963 ialah 3,472.4 juta gelen. Purata penggunaan harian pada 13 Julai 1963 ialah 61,099,000 gelen dan maksimum 80,728,000 gelen. Nisbah penggunaan harian dari Gunong Pulai dan Pontian sebanyak 15.2 juta gelen, 35.6 juta gelen dari Tebrau dan baki 10.3 juta gelen dari sumber air di Pulau Singapura.

---

[38] *Annual Report of the Water Department, W.S Stredwick, City Water Engineer*, GPO, Singapore, 1955, hlm. 1.

[39] Lih. CO 1022/308, *CDC Loan to Singapore City Council, Projects for extension to electricity and water supplies*, SEA 238/2/03.

[40] PRO 463/55, *Public Expenditure from the editor of the Colonial Office, London, 3.8.55*, Subject: Colonial Office List, 1956; Lih. PRO 463/55, *Perm. Secy., 'C. & I.' to PRO*, 12.11.55.

[41] Lih. *Water Supply: Proposals for Normal and Emergency Supplies*, 1953-60, (Secret), Colony of Singapore, Appendix.

[42] CO 1030/1183, *Inward Telegram from Singapore ), to the Secretary of States for the Colonies*, Bourdillon's letter to Wallace, FIN/5801 of 28th April 1960, Notes on Principle Items: *5-year Development Plan: capital expenditure estimates 1960-64*, (Secret), 6 April 1960.

Bagi membiayai Projek Air Sungai Johor, Singapura telah memeterai Perjanjian Pinjaman antara Bank Dunia dengan PUB (sebuah agensi kerajaan menurut Public Utilities Ordinance 1963) pada 26 Februari 1965. Melalui penggabungan itu, ia mendapat akses pinjaman dana dari Bank Dunia. Hal ini merupakan salah satu sebab kenapa penggabungan perlu bagi membolehkan Singapura mendapat akses pinjaman. Melalui penyertaan Singapura dalam IMF, Singapura memiliki akses simpanan rizab antarabangsa bagi menampung projek pembangunan industri. Pada 3 Ogos 1966, Dr. Goh merangkap Pengerusi Badan Berkuasa Pelabuhan Singapura menandatangani *Article of Agreement* dengan Jabatan Negara Amerika di Washington sebagai anggota IMF dan IBRD yang membolehkannya mendapat dana pinjaman jangka panjang dengan kadar faedah yang rendah.

Pinjaman bagi projek pembinaan Stesyen Janakuasa Pasir Panjang 'B'[43] berhampiran Stesyen Janakuasa Pasir Panjang 'A' juga diusahakan bagi meningkatkan sektor industri.[44] Perkembangan ini mengambil kira perkhidmatan air, elektrik dan gas yang efisyen[45] sebagai sumber tenaga kepada industri Singapura.[46] Dalam hal ini, Singapura memerlukan bekalan air antara 5-10 juta gelen untuk projek perindustrian.[47] Untuk keperluan segera, kolam air dibina di Bukit Peropok dan satu juta gelen air untuk Kawasan Industri Berat, Industri Ringan dan kawasan perumahan. Bagi menjayakan projek ini, keperluan kepada sistem perhubungan, pelabuhan, air dan janakuasa elektrik ekoran permintaan elektrik, gas dan air semakin bertambah[48] (Jadual 1.2).

Jadual 1.2 Permintaan untuk Elektrik, Gas dan Air 1963-67

| **Tempoh** | **Elektrik Juta k.w.h** | **Gas Juta Padu** | **Air Juta gelen** |
|---|---|---|---|
| 1962 | 522.9 | 956.8 | 20,605.0 |
| 1964 | 914.2 | 1,145.7 | 25,098.6 |
| 1965 | 1,047.6 | 1,271.6 | 28,909.8 |
| 1966 | 1,236.5 | 1,465.3 | 30,076.1 |

*Sumber: Public Utilities Singapore 1967*

Permintaan terhadap bekalan elektrik, gas dan air yang kian bertambah setiap tahun menjelaskan bahawa sumber tenaga ini semakin diperlukan terutama dengan kemasukan pelaburan asing ke Singapura.

---

[43] *The Loan Agreement made bet. the State of S'pore and the IBRD*, in pursuance of subsect. (7) of sect. 3 of the Loans (International Bank) Ordinance, 1963, (No. 2 of 1963).

[44] Kenyataan T.P.E. Mc Neice, Presiden Majlis Bandaraya Singapura dlm. *City Council of S'pore: the opening of Pasir Panjang Power Station S'pore*, Electricity Dept., Singapore, 1953, hlm. 8.

[45] Legislative Assembly Debates, 27 March 1963, col. 10; Lih. Projected Demand for Electricity 1960-70, dlm. *Development Plan 1961-64*), Tab. 7.4, hlm. 74.

[46] Ibid., col. 30. Lih. Cmd. 33 of 1961, *Progress Report of Constitutional Provisions for Singapore in Fed. of Malaysia in Accordance with White Paper*, 1961.

[47] Ibid; Lih. *Loan Agreement (Ordinary Operation: Second Water Supply Project) bet. ADB and PUB, Singapore*, S3 of 1977, 8.2.77. Projek itu merupakan usaha pembesaran kemudahan bekalan air dan dijadualkan antara 1976-82. *Loan Agreement (Ordinary Operation: Second Water Supply Project) bet. ADB & PUB*, 2.6.76, Loan No. 262, SIN, hlm. 10. Lih. Untuk keterangan lanjut sila lih. Loan Agreement (Ordinary Operation: Second Water Supply Project) bet. ADB and PUB, Singapore, S3 of 1977, 8th February 1977. Di bawah perjanjian itu, Singapura ditawarkan pinjaman 5 juta dolar. Dalam Artikel 11 (Sect. 2.01) bank bersetuju memberi pinjaman kepada PUB $23,600,000 dolar.

[48] *State of Singapore, Development Plan 1961-1964*, MF, GPO, S'pore, 1961, hlm. 74, 76-77.

## Keperluan Pelaburan Asing

Singapura mula merancakkan pembangunan industri setelah pelbagai infrastruktur siap awal 1960-an lagi. Ia berharap dapat meningkatkan pembentukan modal kasar (GDC) melalui pelaburan sektor swasta. Namun, pembentukan modal antara tahun 1959-62 ternyata masih rendah (Jadual 1.3).

Jadual 1.3 Pendapatan Negara & Pembentukan Modal Singapura 1959-62

| **Tahun** | **Pendapatan Negara (KNK)** | | **Penduduk ('000)** | **Pendapatan Negara Perkapita** | | **Modal Domestik** | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | $ juta. | | | $ | 1959=10( | $ juta | % KNK |
| 1959 | 1959=100 | | 1,579.6 | 1,225 | 100.0 | 146.5 | 7.6 |
| 1960 | 1,934 | 100.0 | 1,634.1 | 1,236 | 100.9 | 138.5 | 6.9 |
| 1961 | 2,020 | 104.4 | 1,687.3 | 1,368 | 111.7 | 226.4 | 9.8 |
| 1962 | 2,307 | 119.3 | 1,732.8 | 1,407 | 114.9 | 247.6 | 10.2 |
| | 2,437 | 126.0 | | | | | |

*Sumber: Economic Development Board 1963*

Dari segi peratusan, kadar 10% dari Pendapatan Negara masih rendah berbanding negara luar. Jepun dan Australia telah mencapai kadar pembentukan modal melebihi 20% dari Pendapatan Negara. Kadar unjuran tersebut perlu disasarkan memandangkan program perindustrian sedang meningkat maju. Singapura perlu mencapai kadar pembentukan modal yang lebih tinggi untuk menjana ekonomi negara. Kelebihan Singapura mempunyai lokasi strategik, kerja penambakan, pembinaan jalanraya serta pelaburan modal besar dapat meningkatkan pelaburan asing.[49] Kerja pembinaan seperti pemasangan kabel elektrik, telekomunikasi dan pembinaan landasan keretapi (dengan kerjasama PTM), pembinaan kolam air giat dijalankan serta banyak tender dikeluarkan kepada syarikat British terutama membangunkan Projek Industri Jurong seluas 9,000 ekar.[50] Bagi Malaysia, kebimbangan Singapura itu agak ganjil kerana usaha menarik pelaburan asing adalah jauh lebih agresif berbanding PTM. Tambahan pula, Goh menyebut sudah terdapat 13 usul mendirikan industri kecil yang menawarkan 2,052 pekerjaan baru. Bagi menangani masalah pengangguran, EDB menyarankan *Singapore Factory Development Ltd.* (SFDL) menyertai Rancangan Penempatan 7 Ekar bagi 19 industri kecil dan 15 industri besar untuk menggalakkan perkembangan industri Singapura.[51]

Bagi memanfaatkan perkembangan ekonomi di Tanah Melayu, maka Lord Lansdowne, Pengerusi Jawatankuasa Antara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengesyorkan Singapura menyertai Malaysia supaya Pasaran Bersama dapat diwujudkan.[52] Misi IBRD melaporkan pelaburan bertambah selepas pembentukan Malaysia kerana disokong sistem perbankan yang maju dan kedudukan mata wang yang kukuh.[53] Perkembangan itu menyakinkan EDB untuk berperanan dalam bidang kewangan. Singapura yakin masalah pengangguran dapat diselesaikan apabila

[49] Lih. *Singapore Development Plan, 1961-1964: comparison of first and second version*, 1961. Lih juga *Capital Expenditure (In M$ Millions)*, Appendix A.

[50] EDB, *Annual Report 1963*, Part 1, hlm. 47.

[51] CO 852/1810, *Letter from G.W. Totman, Controller of Finance, CDC to W.G. Boss, CO, London*, 20.9.61.

[52] EDB 41/16, *Letter from Ngian Tong Dow, Chairman EDB to PS (Edun*), 18.6.63.

[53] *A Mission of the IBRD*, hlm. 35.

sejumlah pelaburan dari S$1,000 juta ke S$1,200 juta diperlukan dalam tempoh lebih dari 10 tahun.

Langkah Singapura mempercepatkan sektor industri dilihat sebagai tindakan yang tergesa-gesa. Barisan Sosialis mengkritik dasar pemerintah seperti dasar kewangan, isu kerakyatan, isu keselamatan dan autonomi tempatan. Singapura berpendapat negara boleh mencapai kemajuan yang pesat melalui pembangunan sektor industri sepertimana pencapaian negara Jepun, A.S dan Eropah. Berdasarkan dapatan Misi Bank Dunia, Singapura cuba merundingkan langkah ke arah penggabungan dengan Kerajaan Persekutuan.

## Rundingan Dan Langkah Ke Arah Penggabungan

Usul penggabungan pernah dibangkitkan Timbalan Perdana Menteri Singapura, Dr. Toh Chin Chye dan Perdana Menteri Lee Kuan Yew pada tahun 1955. Toh membangkitkan alasan ekonomi seperti masalah pengangguran, ketiadaan sumber asli dan keperluan bekalan air untuk perindustrian Singapura. Atas kepentingan ekonomi, keperluan air, bahan mentah dan pelaburan asing telah menarik minat mereka merealisasikan idea tersebut.

Dalam memorandum mengenai penggabungan, Singapura menjelaskan keinginan untuk bergabung adalah berdasarkan ikatan kaum, sejarah, budaya, ekonomi dan politik yang sama antara kedua buah wilayah.[54] Hubungan tersebut bertambah rapat sejak dua tahun selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Bermula tahun 1961, PAP berura-ura merundingkan isu penggabungan dengan Tanah Melayu. Lee memberi harapan penggabungan sebagai langkah ke arah kemerdekaan Singapura[55] yang akan menjadi kenyataan pada tahun 1963. Kerajaan Britain terpaksa menerimanya tetapi mestilah merundingkan Perjanjian Pertahanan terlebih dahulu.[56] Pada bulan Oktober 1961, pada prinsipnya Parlimen Malaysia mengesahkan usul Malaysia untuk penggabungan dengan Singapura.[57] Lee kemudian mengutus surat kepada Tunku pada 11 November, 1961. Pada hari yang sama, Tunku membalas surat Lee dengan mengesahkan tanggungjawab Persekutuan dan Singapura adalah asas penggabungan, dan sejauhmana autonomi tempatan diperoleh setelah rombakan, pengubahsuaian dan perubahan berhubung usul tersebut dibuat[58] 'yang memberi kuasa istimewa kepada Singapura'.[59] Pada 15 November 1961, *Heads of Agreement* diterbitkan[60] dan sebelum Tunku berlepas ke U.K pada 16 November, 1961 beliau menyatakan persetujuan berhubung usul penggabungan.[61] Rundingan di London diadakan pada 20-22 November, 1961 dan Kenyataan Bersama oleh British

---

[54] Cmd. 33 of 1961, *Memorandum setting out Heads of Agreement for a Merger bet. The Fed. of Malaya and and S'pore*, 15th November 1961, hlm. 1.

[55] *The Straits Times*, Jan 16, 1960, hlm. 16.

[56] FO 1091/105, *Telegram from UK Commisssioner to the S of S for the Colonies*, (Secret), Telegram No. 266, 2.11.61; DO 187/60, *Relations with S'pore*, DHC's Special File, June 1965.

[57] Parliamentary Debates (Hansard), *Extracts from House of Commons Official Report*, vol. 681 no. 151, 19.7.63), Malaysia Bill (col. 922 to 1008).

[58] *Text of reply from the Federation's PM, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, to the PM, Mr. Lee Kuan Yew*, 11.11.61.

[59] Lih. FO 1091/105, *Telegram from UK Commissioner Singapore to S of S for the Colonies,* (Secret), No. 393, 28.9.61.

[60] Cmd. 33 of 1961. Diterbitkan di Singapura sebagai Singapore White Paper.

[61] *Text of the letter from the PM, Mr. Lee to the Federation's PM, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj*, 11.11.61. Lih. Parliamentary Debates (Hansard), *Extracts from House of Commons Official Report*, Malaysia Bill (Col. 922 - 1008), vol. 681, no. 151, 19th July 1963, hlm. 1.

dan Kerajaan PTM diedarkan pada 23 November, 1961[62] mengenai usul mewujudkan Persekutuan Malaysia. Dewan Legislatif di Singapura juga meluluskan usul menyokong pembentukan Malaysia. Lee kemudian mengadakan lawatan rasmi ke London atas jemputan Sir Harold MacMillan, Perdana Menteri Britain bagi membincangkan soal penggabungan terutama mengenai pindaan dasar luar, pertahanan dan keselamatan dalam negeri[63] atas kehendak Tunku. Namun, Lee mempersoalkan kawalan langsung oleh Kerajaan Persekutuan ke atas polis.[64] Pada 28 November, 1961, Duke of Devonshire menjelaskan langkah terpenting adalah mendapat keyakinan penduduk mengenai idea penggabungan. Kerajaan Britain memaklumkan Lee tentang kesediaan Kerajaan Persekutuan mewujudkan Jawatankuasa Perunding Menteri di Kuala Lumpur yang bertanggungjawab ke atas keselamatan dalam negeri.[65]

Namun, Barisan Sosialis menentang usul penggabungan dan mendakwa penggabungan sebagai matlamat politik Tunku.[66] Bagi menafikan dakwaan itu, maka Lee mengeluarkan Kertas Putih pada 23 Ogos 1961 berhubung persetujuan Kerajaan Persekutuan dan Singapura. Kertas Putih itu menggariskan perlembagaan, eksekutif, legislatif, pentadbiran dan kewangan termasuk autonomi tempatan di bawah kawalan Singapura.[67] Walau bagaimanapun, Kertas Putih tersebut masih samar-samar berhubung pembahagian kuasa antara PTM dan Singapura terutama mengenai isu kewangan dan pembiayaan perbelanjaan awam selepas pelan penggabungan.[68] Pihak pembangkang sangsi bagaimana pemerintah Singapura boleh berkongsi kuasa dari segi pembahagian pendapatan dengan Kerajaan Persekutuan, umpama percukaian dan perbelanjaan ke atas pendidikan yang berbeza-beza antara Kerajaan Persekutuan dan Singapura.[69] Pemimpin Singapura menjelaskan penggabungan mempunyai kepentingan ekonomi di Malaysia dengan alasan untuk mengekalkan dan mempertahankan kemakmuran Singapura.[70] Barisan Sosialis mempertikaikan dakwaan PAP mempertahankan pendidikan dan perburuhan tetapi lupa tentang isu yang lebih penting, yakni isu kerakyatan dan keselamatan dalaman Singapura. Lee cuba menutup kelemahan PAP dengan alasan untuk memberi laluan kepada keperluan yang lebih penting.[71]

---

[62] Cmd. 1563. Diterbitkan di UK sebagai White Paper.

[63] PREM 11/3735, *Letter from G. Selkirk, Office of UK Commissioner, London, to The Rt. Hon. Reginald Maudling, CO, London,* (Confidential), 2nd April 1962; Lih. juga *Memorandum of the Singapore Delegation on the Statement of the Secretary of State and in amplification of the Draft Independence of Bill*, Appendix 6. Lih. dlm. Cmd. 9777, *Singapore Constitutional Conference,* Presented by the Secretary of States for the Colonies to Parliament by Command of Her Majesty Her Majesty's Stationery Office. May 1956.

[64] DO 187/60, *Note of a Conversation bet. Dato' Dr. Ismail, Minister of Home Affairs and Mr. Moore in Singapore*, (Top Secret), 15.3.65. Lih. Para 3 of SLO's Report of 16.3.65 on 45th Meeting of S'pore Security Liaison Committee.

[65] FO 1091/105, *Commentary on Revised Draft of Singapore's Government White Paper on Merger,* (Secret), 1959.

[66] Lih. Malaysia Ministry of Internal Security, *Commission in the Nanyang University*, KL, 1964, hlm. 32-33; *Legislative Assembly Debates, State of Singapore*, *Official Repor*t, vol. 20, no. 3, 17.1.63, Col. 230; *Plebeian*, No. 34, Mid-Nov 1965. *Party Statement*, 37A, 30.10.65.

[67] FO 1091/105, Merger Proposals, (Secret), POL.6607/04, Saving No. 357, 23rd Sept. 1961.

[68] Ibid., *Comments on PAP by S'pore Government on merger proposals*, (Secret), 26.9.61.

[69] Ibid., *Merger Proposals, comments on PAP by S'pore Government on merger proposals.*

[70] Legislative Assembly Debates, *State of Singapore*, 27 March 1963, col. 7.

[71] *Development Plan 1961-64,* Ministry of Finance, Singapore, 1961, hlm. 18, 33, 36. Peruntukan modal kepada EDB sekitar $100 juta dan peruntukan HDB untuk perumahan $153.60 juta dan pendidikan $94.48 juta dan utiliti awam (elektrik, air dan gas) $147 juta bagi tempoh 4 tahun. Perkhidmatan sosial lain di bawah $40 juta.

Mengikut pelan penggabungan, Kerajaan Persekutuan mempunyai kawalan ke atas ekonomi Singapura. Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa eksklusif ke atas matawang, perbankan, tukaran asing, isu modal, pinjaman awam, perdagangan, perniagaan, industri, perkapalan, komunikasi dan pengangkutan. Kerajaan Persekutuan juga mempunyai kuasa mengutip cukai untuk semua jenis cukai termasuk Cukai Pendapatan dan duti eksais. Keadaan ini sudah tentu akan menimbulkan kebimbangan sebilangan penduduk Singapura mahupun di Borneo kerana mereka bimbang akan dominasi orang Melayu. Oleh itu, Lee ingin mewujudkan kesedaran berpolitik dalam kalangan seluruh penduduk bagi masa hadapan wilayah itu.[72]

Pada dasarnya, Pengerusi Barisan Sosialis Lee Siew Choh bersetuju cadangan penggabungan yang dikemukakan pada 29 Ogos 1961 jika Singapura bergabung dengan Kerajaan Persekutuan secara penuh sepertimana Pulau Pinang, Melaka dan Negeri-Negeri Melayu (NNM) yang lain sebagai salah sebuah negeri dalam Persekutuan.[73] Dalam kenyataan Setiausaha Agung Barisan Sosialis Lim Chin Siong, semasa pertemuan pertama pada 17 September, 1961 menyatakan Singapura tidak harus dibeza-bezakan sebagai sebuah negeri dalam Persekutuan dan mahu ia diberikan keistimewaan serupa seperti negeri lain. Sudah tentu kenyataan ini akan meningkatkan populariti pembangkang. Pada perkiraan PAP, Barisan Sosialis akan menguasai Persekutuan yang lebih besar, dan menguasai bidang pendidikan dan perburuhan mengikut kesesuaian parti selepas penggabungan.[74] Dari segi moral, sokongan penduduk terhadap Barisan Sosialis boleh menjejaskan kewibawaan PAP.

Namun, Lee tidak gentar dengan penentangan golongan kiri dalam parti kerana hanya Lim Chin Siong seorang yang lantang menentang PAP.[75] Lee memaklumkan pegawai Pejabat Tanah Jajahan di London bahawa beliau mahu menghalang golongan kiri menentang penggabungan Singapura. Lee mengatakan beliau tidak mahu golongan ini membuat kacau sebelum keputusan dicapai mengenai penggabungan.[76] Dua minggu kemudian, pihak British mengatur program tindakan membendung dan mendedahkan taktik Barisan Bersatu (*United Front*) seperti dicadangkan Cawangan Khas Singapura. Nama Lim Chin Siong telah disenarai pendek pihak berkuasa Singapura untuk penahanan. Langkah tersebut melemahkan pengaruh Lim dalam kesatuan sekerja. Berdasarkan laporan bersama itu, Cawangan Khas Singapura tidaklah menyerahkan tugas menghapuskan unsur komunis di Singapura bulat-bulat kepada Kerajaan Persekutuan.[77] Singapura turut terlibat dalam komplot menghapuskan komunis tetapi meletakkan tanggungjawab menghapuskan komunis di tangan Kerajaan Persekutuan supaya tidak nampak penglibatan Singapura dalam komplot tersebut. Dalam perbualan Lee kepada Pemangku Suruhanjaya U.K, beliau memberi jaminan bahawa Britain akan memberi sokongan penuh kepada Majlis Keselamatan Dalam Negeri untuk penahanan Lim selepas referendum dan

---

[72] *Parliamentary Debates (Hansard), House of Lords Official Report*, "Malaysia Bill", col. 942.

[73] "The Barisan view of merger", *The Strait Times*, 18th Sept 1961.

[74] DO 169/246, *Report from KL on development in Singapore relevant to Greater Malaysia*, FE 131/33/1; Lih. Ibid., *Letter from T.J. O'Brien, Office of The BHC for The UK, KL, Federation of Malaya, to R.C. Omerod, Esq.*, CRO, (Secret), 12 September 1961.

[75] Ibid., *Report from KL on development in S'pore relevant to Greater Malaysia*, FE 131/33/1.

[76] PREM 11/3735, *Note of meeting held on 16th May 1962, in the Colonial Office.*

[77] Ibid., *Inward Telegram from Singapore (Acting UK Commissioner) to the S of S for the Colonies*, (Secret), No. 271, 29th May 1962.

sebelum penggabungan dilaksanakan.[78] Maka, penahanan Lim selepas memenangi referendum akan memberi keyakinan kepada Lee bahawa sebahagian besar rakyat Singapura menyokong penggabungan. Maka, beliau membuat justifikasi penahanan Lim tidak mendapat tentangan rakyat berdasarkan majoriti pungutan suara.

Setelah menyertai Malaysia, Lee menyatakan kepada Sir Harold Wilson, Pasaran Bersama masih belum diwujudkan sejak dua tahun Singapura berada dalam Malaysia.[79] Hal ini menimbulkan kritikan Barisan Sosialis semasa perbahasan Majlis Legislatif pada tahun 1962, berhubung langkah PAP ingin bergabung dengan Persekutuan.[80] Sejurus pembentukan Malaysia, tambah nilai merosot kepada $15 juta atau 4% terendah dalam tempoh tersebut. Pasaran Bersama sukar diwujudkan kerana Indonesia menggamalkan dasar konfrantasi terhadap Malaysia.[81] Kegagalan mendapat pasaran bersama menyebabkan beberapa industri terpaksa memikirkan kembali kedudukan pelaburan mereka di Singapura, dan ada antaranya telah berpindah ke Malaysia. Akibatnya, Singapura mengalami kerugian besar dan menyalahkan Malaysia tanpa melihat isu sebenar. Sebaliknya, Singapura mendakwa Kerajaan Persekutuan cuba mengawal seluruh pendapatan Singapura dan penstrukturan mengenai kastam dan duti eksais, walaupun kuasa membuat peraturan tertakluk di bawah bidang kuasa Singapura.[82] Namun, Malaysia tidak bersetuju kerana Kuala Lumpur mahu duti eksport tidak terkecuali kepada produk bahan mentah dari luar Malaysia. Hal ini bermakna, barang import di luar lingkungan Pasaran Bersama Malaysia tertakluk kepada tarif import.[83]

Kenyataan Lansdowne juga tidak memberi keuntungan kepada Singapura untuk bergabung dengan Malaysia yang hanya melihat dalam konteks kepentingan ekonomi Britain. Beliau sekadar ingin menyelamatkan pedagang British dan perdagangan entreport Singapura,[84] dan tidak cuba menangani masalah gunatenaga di Singapura. Britain masih mengambil pendekatan menguntungkan pelabur dan pedagang British supaya status entreport diteruskan demi kepentingan perdagangan mereka.[85] Kerajaan Britain berpendapat penggabungan dapat mengekalkan tanah milik syarikat British di Singapura. Manakala, pemerintah melihat tanah yang dipajak oleh syarikat korporat British di Singapura boleh dimanfaatkan untuk perlaksanaan Pelan Pembangunan 1961-64.

## Isu Tanah Milik British Di Singapura

Bagi melaksanakan pelan pembangunan Singapura, tanah merupakan unsur yang sangat penting untuk sesuatu pembangunan. Pemerintah seringkali mengatakan saiz yang kecil dan tanah yang terhad akan mengehadkan pembangunan ekonomi Singapura. Justeru, pihak pemerintah amat teliti dalam menentukan ukuran asas untuk

---

[78] Ibid., *Inward Telegram from Singapore (Acting UK Commissioner) to the S of S for the Colonies*, (Secret), No. 277, 1.7.62; Lih. Ibid., *Inward Telegram from Singapore (Acting UK Commissioner) to the S of S for the Colonies*, (Secret), No. 210, 23rd May 1962.

[79] CAB 164/19, *Letter from the Hon. Lee Kuan Yew, the PM of Singapore to the Rt. Hon. Sir Harold Wilson, the PM of UK*, (Secret), 1.4.66.

[80] Lih. Perbahasan oleh Wakil Barisan Sosialis kawasan Toa Payoh, Wong Soon Fong, dlm. Legislative Assembly Debates, *State of Singapore, Official Report*, vol. 20, no. 3, 17.1.63, col. 868.

[81] *Singapore National Accounts 1960-1973*, Dept. of Statistics, Singapore, 3.2.75, hlm. 19.

[82] Document X, *Customs and Excise*, Para 2 (1), hlm. 230.

[83] Ibid., Annex J, Para 1(3b), hlm. 226.

[84] Parliamentary Debates (Hansard), *House of Lords*, *Official Report*, vol. 252, no. 123, 26.7.63, col. 976.

[85] Ibid., col. 959, 976.

kawasan petempatan bagi projek pertanian atau projek pembangunan ekonomi di masa hadapan.[86]

Antara kedudukan strategik ialah beberapa kawasan tanah milik British di Singapura seperti pangkalan Tentera Laut British yang mempunyai aset dari segi pertahanan dan kepentingan ekonomi Singapura telah menarik minat pemerintah untuk mendapatkannya kembali. Dari segi hakmilik, pemilikan tanah diserahkan kepada sebuah syarikat korporat milik British di bawah *Services Lands Board* (SLB) berpangkalan di U.K untuk mengurus, mentadbir dan merancang. Anak syarikat yang mengendalikan pentadbiran tanah untuk tujuan komersial telah diserahkan kepada *UK Services* di Singapura. Bagi meneruskan peranan SLB, maka British mendapati kepentingan di Singapura harus diteruskan dan mengekalkan kedudukan mereka di Pangkalan Tentera Laut dan beberapa kawasan tanah miliknya di Singapura.[87]

Oleh itu, perjanjian AMDA ditandatangani bersama antara Kerajaan Britain dengan PTM pada 12 Oktober 1957 dengan alasan mengukuhkan kestabilan dan keselamatan rantau ini.[88] Sesuatu yang menghairankan Singapura apabila penubuhan AMDA tidak memasukkan Singapura dalam pelan pertahanan tersebut. Justeru, Lee tidak yakin dengan penubuhan AMDA[89] kerana terdapat helah British dalam soal pegangan tanah di Singapura. Bagi British, ia sedia maklum mengenai Artikel 166 (3) Perlembagaan Persekutuan seharusnya memasukkan Singapura seperti dalam Seksyen T3 Bahagian 1V dalam Draf Tanah Melayu. British khuatir pegangan tanah di Singapura selepas Hari Malaysia tidak lagi bergantung kepada Seksyen 72 mengikut Perlembagaan Singapura. Oleh itu, Britain cuba mengadakan pertemuan dengan Kerajaan Persekutuan mengenai hal tersebut. Beberapa cadangan dari Geoffrey Tory dari Pejabat Tanah Jajahan di London telah dikemukakan. Pertama, mengikut *Annex 4 AMDA* 12 Oktober, 1957 perjanjian tersebut tidak mencakupi Singapura. Kedua, *U.K Services* mempunyai hak memiliki dan mengguna tanpa halangan atau campur tangan dari mana-mana pihak berhubung tanah yang mereka miliki di wilayah Singapura. Ketiga, pertemuan dibuat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan U.K untuk mempastikan *U.K Services* mempunyai hak pegangan sewajarnya berkuatkuasa mengikut *Para (2) Annex.*[90] Dalam Perlembagaan Singapura, Seksyen 72(2) menyatakan bahawa selepas Hari Malaysia, Perlembagaan Singapura tidak lagi berkuatkuasa kerana pertahanan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.[91] Soal pertahanan bukan isu utama yang membimbangkan Lee. Lee boleh mengharapkan Kerajaan Persekutuan membantu Singapura jika terjadi huru-hara. Watkinson, Setiausaha Negara kepada Singapura menjelaskan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai tanggungjawab penuh untuk mempastikan keselamatan

---

[86] HBRS/0/28, *Memorandum from Lim Hong Yong, S.R.0, (R.D), to R.O, S.R.I., and I.S.,* “Designs of plots in Resettlement Areas”, 19th May, 1965. Bagi Plot F (Farming) keluasan saiz antara 1 hingga 2 ekar, bagi Plot SF (Small Farming) keluasan saiz antara ½ hingga 1 ekar, dan Plot A kira-kira 6,000 kaki persegi; pengecualian kepada Kawasan Petempatan Semula bagi Kawasan 38 pegangan mencapai saiz sehingga ¼ ekar.

[87] “Land occupied by the UK Services in Singapore”, *Schedule to Annex G,* hlm. 447.

[88] Cmd. 1563, hlm. 3-4.

[89] Notes on the 1st session at 10 Downing Street, 5.7.67, (Top Secret), AMD Talks; Lih. *Letter from A.W. Cooper, Brigadier, Defence Adviser, BHC, KL to Tan Sri Abdul Kadir Shamsuddin, Secy. for Defence, MOD, KL,* (Secret), 17.7.67; PREM 11/3735, *Outward Telegram from the SSCS (The Rt. Hon. Earl of Selkirk),* 10th April 1962.

[90] CO 968/811, *Lands and Building Singapore, Part A, DEF.87/25/01, Addressed from the Secy. State of Singapore, to Rt. Hon. Earl of Selkirk, Commissioner, Singapore,* 11.6.63; Malaysia Defence Agreement, *From B.B. Hall Treasury Solicitors's Office to H.L. Emmett, Esq.*, MOD, UK, D62/1C/BBH, (Secret), 11.6. 63.

[91] *Notes of Meeting held at the CRO,* 10th June 1963.

dalam negeri Singapura.[92] Atas desakan Lee, Tun Razak meminta Tentera British membantu Singapura untuk satu tempoh sementara selama dua tahun selepas penggabungan termasuk permohonan Kerajaan Persekutuan mewujudkan Batalion kedua SLR di Singapura.

*Defence Agreement Annex 4(13)* menyatakan bahawa penjualan tanah hendaklah mengikut nilai pasaran semasa jika Kerajaan Persekutuan tidak mahu memilikinya lagi. Pihak British masih berkeras mahu mendapatkan tanah mengikut nilai pasaran semasa di Singapura jika Singapura ingin memilikinya kembali. Walau bagaimanapun, pemerintah Singapura enggan akur dengan permintaan Jabatan Bendahari di London berhubung penjualan tanah di Pasir Panjang seluas 25 1/4 ekar mengikut nilai pasaran semasa yang bernilai £11,406.[93] Pemerintah Singapura berura-ura memajukan projek hidroelektrik di Pasir Panjang Fasa B bagi membekalkan elektrik untuk projek industri. Oleh kerana projek itu penting kepada Singapura, maka pemerintah Singapura telah berkeras untuk 'masuk' ke tanah berkenaan tanpa menghiraukan amaran British. Singapura berada dalam kedudukan yang kukuh untuk berbuat demikian sama ada British membenarkannya masuk ke tanah berkenaan ataupun tidak.

Untuk membolehkan Singapura mendapatkan kembali tanah tersebut, pemerintah Singapura telah menggubal Ordinan Pemilikan Tanah (LAO) supaya tidak dianggap menceroboh. J.D. Higham, dari Pejabat Tanah Jajahan (yang mempengerusikan mesyuarat CRO menggantikan tempat A.A. Golds) menyatakan Kerajaan Britain telah melakukan kesilapan memasukkan istilah "Negeri Singapura" ke dalam *Para 2 Annex G*. Bagi Higham, matlamat utama mengekalkan pegangan ke atas pangkalan British di Singapura lebih penting daripada menjual tanah mengikut harga pasaran. Dari kenyataan Higham, Britain menyedari kepentingan pangkalan British tersebut untuk terus kekal di Singapura bagi kepentingan pertahanan Britain di rantau ini. Singapura telah mendesak Britain menyerahkan pegangan mereka kerana isu ini akan digunakan oleh Barisan Sosialis untuk mengukuhkan kedudukannya.[94]

Akibat 'kesilapan' tersebut, Singapura mempersoalkan hak Kerajaan Britain mengekalkan pegangan tanah di Singapura. Lee bimbang isu ini akan digunakan Barisan Sosialis untuk memburukkan kepimpinan Lee yang tidak berbuat apa-apa untuk memajukan tanah tersebut. Lee mahu British menyerahkan 14 ekar tanah yang ingin digunakan Jabatan Perang sebagai lapangsasar walaupun sebelum ini beratus ekar tanah telah diserahkan kepada pemerintah Singapura.[95] Lee terus mendesak British supaya menyerahkan satu persepuluh tanah yang dimilikinya. Alasan Lee jika British tidak menyerahkannya bermakna beliau tidak menjalankan amanah kepada penduduk Singapura. Lee menegaskan bahawa tanah yang tidak digunakan seharusnya jatuh ke tangan Singapura. Jika Kerajaan Persekutuan tidak berminat menggunakannya lagi untuk tujuan pertahanan, maka ia hendaklah dijual dengan harga berpatutan atau diserahkan kepada Singapura.[96] Pada pandangan British,

---

[92] FO 1091/105, *Telegram from S of S for the Colonies to UK Commissioner Singapore*, Telegram No.: 445, 23.11.61.

[93] CO 968/811, *Letter from P. Chapman, Treasury Chambers, London to S.T. Leavey, Esq.*, The War Office (Lands Abroad), London, 2-DM/17/154/01, 4th April 1963.

[94] CO 968/811, *Telegram from FARELF to WO*, (Secret), CS4/1869, *for Info Lands Abroad, Further Signal Com Sec 31 of 4th June 1963.*

[95] Ibid., *Letter from W.A. Ward, Office of UK Commissioner, London, to E.R. Hammer, Esq.*, CO , London, DEF 3254/09, 5th April 1963. Lih. Land made available which Singapore Government require to be released by the Services, Malaysia External Distribution.

[96] Lih. WO 32/20900, *Letter from E.S. Jubb, Lands Directorate Far East (att), HQ Qtrs, Singapore to The Chief Surveyor Defence Lands,* MOD, Surrey, London, Title of Land occupied by

*Services Lands* seharusnya kekal di bawah Kerajaan Persekutuan mengikut Akta Malaysia 1963 yang dimeterai pada 9 Julai, 1963. British berharap dengan pegangan tersebut, kepentingan harta British di Singapura dikekalkan. Umpamanya, British masih menempatkan peralatan pertahanan dan kuarters tentera di Woodlands, stesyen telekomunikasi di Jurong, stesyen penyampai wayarles tentera di Chip Bee, Holland Road dan di beberapa tempat lagi. Mengikut perundangan, tanah milik *UK Services* hendaklah dikembalikan kepada status asalnya (Singapura) sebagai pemegang tanah selepas perpisahan seperti Singapura fahami.[97]

Untuk menangani isu ini, Kerajaan Britain cuba merundingkan isu tersebut secara tidak rasmi antara Tunku dan pihak British tanpa melibatkan Singapura. Pihak British mahu rancangan ini dilaksanakan sebelum 31 Ogos yakni tarikh pembentukan Persekutuan sebelum rundingan tiga pihak dijalankan antara Britain, Kerajaan Malaysia dan Singapura. Pihak British mempersoalkan langkah Singapura melaksanakan akta buruh dan cukai tempatan sebelum 31 Ogos 1963. Ia menyatakan bahawa Seksyen 7 Perlembagaan Singapura yang baru belum berkuatkuasa lagi selepas Hari Malaysia kerana Pertahanan sudah menjadi tanggungjawab Kerajaan Malaysia mengikut draf Seksyen T3 Perlembagaan Persekutuan. Mengikut draf tersebut, ia memperuntukkan pegangan tanah di Singapura untuk tujuan khidmat pertahanan dan bukan untuk tujuan selain dari itu. British cuba menghalang pemerintah Singapura daripada melaksanakan undang-undang berkaitan industri yang mengubah status tanah tersebut kepada status industri atau pertanian mengikut *Seksyen 10 Annex 2*. British cuba mengekalkan status tanah tersebut supaya tidak berpindah milik kepada Singapura. Untuk menyelesaikan masalah tersebut, satu rundingan diadakan antara wakil CRO dengan pemerintah Singapura. Dalam rundingan pertama, pemerintah Singapura memaklumkan Cook dari Pejabat Tanah Jajahan bahawa Ordinan Cukai Harta (PTO) akan dilaksanakan untuk mengenakan cukai ke atas sektor khidmat tentera dan cukai harta sebanyak 100%.

Dalam perbincangan di atas, isu tanah telah menjadi isu yang amat penting kepada Singapura. Dengan saiz Singapura yang kecil dan tanah yang terhad, Singapura mahu tanah milik sebuah syarikat Britain di Singapura dikembalikan kepadanya untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan di pulau itu. Oleh itu, Singapura sanggup melakukan apa saja sama ada melalui perundangan mahupun mendapatkan tanah milik syarikat Britain itu secara paksaan bagi membolehkannya memiliki tanah tersebut. Bagi membolehkan British mengekalkan status pegangan tanah tersebut, pihak British cuba melakukan pelbagai helah. Bagi mengelak tindakan Singapura itu, pihak British cuba menghalang Singapura dari melaksanakan Ordinan tersebut atas dasar imuniti pihak *Crown* sebelum Hari Malaysia meskipun British menyedari kutipan cukai harta kekal sebagai cukai negeri di bawah tanggungjawab Singapura.[98]

Pihak British cuba menjelaskan kekeliruan mengenai isu ini sebelum Singapura bergabung dengan Persekutuan Malaysia pada 31 Ogos, 1963. Semasa Perjanjian 1957 dirundingkan dengan Tanah Melayu, Singapura telah diberi status separa merdeka dari status kolonial sebelum perang, tetapi secara teknikal Singapura masih lagi di bawah naungan British. Justeru, perlembagaannya termaktub bersama

---

British Forces in Singapore following Singapore's secession from Malaysia 9.8.65, (Restricted), LDS/192/12a, 10.11.66.

[97] Ibid., *Extract from letter Reference A/119/Malaya/376* from *Mr. G.A. Gedge*, Defence Lands Staff, MOD, Tolworth, 2nd September 1966.

[98] CO 968/811, *Addressed from Singapore (The Earl of Selkirk), to the S of S*, MDA and Draft Formal Agreement, (Confidential), 10th June 1963.

Kerajaaan U.K, salah satu ciri sebagai negeri naungan, maka draf *'Services' Lands Board Ordinance 1959'* dirangka dalam perlembagaan tersebut. Ordinan itu memberi kuasa kepada SLB memiliki, memegang, dan melepaskan tanah serta mempunyai kepentingan ke atas tanah serta meletakkan syarat berhubung perkara tersebut. Maka, wujud dua kategori tanah mengikut Ordinan tersebut. Pertama, tanah yang dibeli luar dari dana U.K dan dibeli oleh Singapura sendiri; kedua, *Singapore Crown Land* milik *UK Services* tanpa dikenakan caj selama mana ia boleh dimiliki. Jadi, tanah tentera darat, laut dan udara di luar daripada pangkalan tentera laut jatuh pada kategori pertama.

Di bawah pindaan Perlembagaan, semua tanah termasuk Tanah *Crown* di Singapura mengikut kategori kedua masih kekal tetapi tanah kategori pertama tertakluk kepada pajakan 999 tahun diserahkan kepada SLB. Setelah Kerajaan Malaysia mengambil alih tanah ini, SLB diberi pajakan 30 tahun sahaja. Sehubungan ini, prinsip asas apabila tanah tersebut tidak lagi diperlukan, maka Tentera British hendaklah menyerahkan kembali tanah dan segala kemudahan atau binaan yang didirikan termasuk kos pembinaan jika pemerintah Singapura memerlukan balik tanah tersebut untuk dimajukan.[99] Jika pihak Singapura belum memerlukannya, maka tanah akan dijual di pasaran terbuka dan bayaran dibuat kepada SLB sebagai badan korporat yang sah mewakili Kerajaan Britain di Singapura.

Oleh itu pada Hari Malaysia, *Ordinance Services Lands Board* berhak ke atas perkara berhubung harta di Singapura berdasar Perjanjian Pertahanan antara U.K dengan Tanah Melayu 1957. Pada Hari Malaysia, Singapura bergabung dengan PTM pada 31 Ogos, 1963 di bawah Akta Malaysia 1963. Seksyen 79 Bil Malaysia menyatakan bahawa semua tanah di Singapura diletakkan di bawah kuasa Suruhanjaya Tanah Persekutuan (tanpa bayaran) sebaik saja bermula Hari Malaysia. Kerajaan Persekutuan bagi pihak Singapura bersetuju memajakkan tanah kepada SLB mengikut syarat diperuntukkan Kerajaan Persekutuan. Dengan persetujuan tersebut, Suruhanjaya Tanah Persekutuan akan mengambil alih tempat SLB ke atas tanah yang dimiliki badan itu.

Dengan itu, Kerajaan Persekutuan bersetuju membenarkan pajakan tanah kepada wakil U.K di Singapura untuk tujuan pertahanan bagi tempoh tidak melebihi 30 tahun. Manakala, kedudukan Tanah *Crown* tidak berubah kecuali Kerajaan Persekutuan (bagi pihak Singapura) memberi pajakan mengikut Seksyen 75 dan 76. Pada 9 Julai, 1963, satu perjanjian dimeterai antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan U.K. Mengikut perjanjian itu, seluruh tanah milik *Lands Services* dijelaskan dalam *Annex F* yang berasal dari Artikel VI bertarikh 9 Julai, 1963 antara Kerajaan U.K, Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura. Dalam mukadimah *Annex F*, menyatakan Perjanjian Pertahanan 1957 antara U.K dan Tanah Melayu adalah merujuk kepada tanah dan bangunan yang dimiliki pihak *Services Lands*. Hal ini menjelaskan bahawa Kementerian Pertahanan di U.K masih ingin mengekalkan hak milik tanah yang terdapat di Singapura.

Bagi menangani isu ini, pihak British cuba menanganinya secara berhemah kerana mereka berhadapan dengan seorang ahli politik yang bijak seperti Lee Kuan Yew. Pihak British mendapati Lee tegas dengan pendiriannya terhadap perundangan dan selalunya akan memikirkan kelebihan politik dalam sesuatu rundingan. Memandangkan Lee berpendirian begitu, maka British cuba melakukan pindaan mengikut perundangan. Oleh itu, British cuba meminda *Annex G*[100] yang baru supaya

---

[100] *Notes of Meeting held at the Council Chamber*, CRO, 10th June 1963.

Lee tidak mempunyai kuasa mutlak menentukan *status quo* ke atas pegangan tanah di Singapura. Dengan versi baru, maka *Annex G* dipinda bagi menyelamatkan kepentingan Britain. Kerajaan Britain akan menghalang Singapura melakukan sebarang rujukan tentang pegangan tanah pada masa hadapan dalam proses mendapatkan balik tanah pegangan British, dan memadai merujuk *MDA 1957 Article IV*. Berdasarkan Artikel IV, PTM dibenarkan oleh Kerajaan UK 'memiliki, mengekal dan menggunakan pangkalan dan segala kemudahan di dalam Persekutuan mengikut peruntukan Perjanjian dalam *Annex 2* dan *Annex 4*'. Dalam Annex IV menyatakan 'dasar PTM tidak membenar mana-mana negara asing atau Komanwel memiliki tanah atau mempunyai hak ke atas tanah kecuali untuk tujuan diplomatik'.[101] Jika Kerajaan U.K ingin memiliki tanah, maka PTM boleh meluluskan undang-undang, dan didaftarkan atas nama Amanah Awam yang memegang amanah untuk pihak *UK Services*.

Menurut Akta Malaysia 1963 mengenai hak tanah di Singapura, Bil Singapura Seksyen 79 menyatakan bahawa 'Suruhanjaya Tanah Persekutuan akan mengambil alih tempat SLB.' Ini menjelaskan bahawa hak pegangan bebas masih kekal di tangan Singapura walaupun telah bergabung dengan Persekutuan Malaysia. Sehubungan itu, ia menganggap pajakan 999 tahun tidak terbatal oleh Akta Malaysia 1963 dan boleh memberi pajakan kepada Tentera British untuk tempoh 30 tahun mengikut Perjanjian 1957.

Pada 9 Ogos, 1965, Singapura keluar dari Malaysia berdasarkan Perjanjian bertarikh 7 Ogos, 1965. Dengan perpisahan itu, Singapura menjadi negara merdeka dan berdaulat. Berdasarkan Perjanjian tersebut, ia menyatakan bahawa Malaysia akan meluluskan undang-undang dalam bentuk Bil yang dijelaskan dalam Perjanjian *Annex B* untuk meminda perlembagaan berikutan perpisahan Singapura.[102] Menurut Bil Seksyen 9 merujuk kepada tanah dan harta dipunyai atau di bawah tanggungan Singapura sebelum Hari Malaysia akan berpindah ke Singapura pada Hari Singapura dan berada di bawah kuasa Singapura. Dalam peruntukan Perjanjian Pertahanan 1957, *Annex F* juga meliputi kesemua negeri di Malaysia melalui Perjanjian 9 Ogos, 1963, pajakan harta Tentera British tertakluk kepada tempoh pajakan 30 tahun. Berdasarkan kedua-dua Perjanjian itu, terdapat fakta penting boleh dibangkitkan. Seksyen tersebut tidak menyatakan syarat dan peraturan mengenai kedua-dua Perjanjian tersebut harus meliputi sepenuhnya kepada Singapura. Ia hanya menyatakan 'berhubung' kedua-dua Perjanjian mengenai pertahanan Singapura serta pengekalan pangkalan British serta kemudahan yang dimiliki pihak *Services Lands*. Natijahnya, kedua-dua Perjanjian itu memberi implikasi kepada beberapa pihak. Singapura menganggap Perjanjian 1957 tidak meliputi Singapura dan tidak boleh dikuatkuasakan di Singapura. Hal ini bermakna, Akta yang diluluskan Kerajaan Malaysia tidak boleh 'dihubungkan' dengan Singapura. Justeru, Tanah *Crown* dan juga pajakan 999 telah termansuh dengan sendirinya. Tambahan pula, cadangan alternatif untuk pajakan 30 tahun tidak pernah dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia. Oleh itu, pemerintah hanya menganggap pemilikan tanah oleh Tentera British dibuat atas kehendak Singapura.

Meskipun demikian, perkara ini menimbulkan kesangsian Lee berhubung status tanah milik SLB yang masih dalam pegangan Kerajaan Britain. Lee menuntut

---

[101] WO 32/20900, *Letter from E.S Jubb, Dir. of Lands, Lands Directorate Far East, S'pore to Individual Members and the Secy. of the Joint Services Quatering Committee*, Review of Article IV Section 1, 2 and 3 of Annex 2 and Annex 4 of the Def. Agreement, dated 12th October 1957 between the Government of UK and the Malaysia with a view to its application to Singapore; Lih. 1957 Defence Agreement bet. the U.K and the Fed. of Malaya, LDS/911747a, (Confidential), 28.4.66.

[102] *State of Singapore Government Gazette Extraordinary*, vol. 7, no. 66, 9.8.65.

SLB memulangkan tanah seluas 12 ekar yang dimiliki oleh mereka kerana nilainya tinggi serta amat berguna untuk pembangunan. Namun, menurut *Lands Directorate Far East* di Singapura menegaskan SLB masih badan sah di republik itu. Beliau cuba menegakkan fakta bahawa pajakan 999 tahun kepada SLB sebagai pemilik sah diakui Singapura kemudian bertukar milik kepada Suruhanjaya Tanah Persekutuan Malaysia yang memberi pajakan 30 tahun kepada *UK Services Lands Board* mengikut Akta Malaysia 1963 Seksyen 79. [103] Jadi, transaksi harta di Malaysia dilaksanakan di bawah kuasa *UK Services Lands Board*. Ia tertakluk kepada tanah di Singapura apabila menjadi sebahagian dari Malaysia. Perkara ini dibantah pihak SLB yang merujuk kepada dua syarat asal mengenai pemilikan tanah di Singapura sebelum Hari Malaysia. Mereka ingin membawa tuntutan tersebut ke mahkamah supaya pajakan selama 999 tahun dikekalkan. Namun, Singapura menafikan tuntutan tersebut. Singapura mempunyai kepentingan terhadap tanah tersebut. Disebabkan keluasan tanah terhad serta penduduk padat, maka tanah dianggap aset produktif kepada Singapura. Selain boleh dijadikan kawasan pertanian, ia boleh dijadikan limbungan kapal. Kawasan tanah itu juga boleh dijadikan pusat pembangunan membaiki kapal sebab kawasan tersebut sesuai untuk membina kapal tangki besar.[104] Menyedari kepentingan tanah, Lee mahu tanah tersebut dikekalkan di bawah bidang kuasa Singapura menurut *Annex G* dalam perenggan 2 supaya sebarang projek pembangunan pada masa hadapan dapat dirancang.

Nampaknya, British mempunyai niat tertentu sebelum konsep persekutuan atau penggabungan diwujudkan yakni untuk mengekalkan kepentingannya di Singapura. Hal ini mencetuskan kesangsian Lee sejauhmana konsep persekutuan memberi manfaat kepada Singapura tanpa mengorbankan kedaulatan Singapura. Hal ini kerana Kuala Lumpur dan Singapura melihat skema penggabungan dari sudut yang berbeza. Kuala Lumpur melihat skema penggabungan dalam konteks kelangsungan politik orang Melayu dan ketuanan Melayu. Bagi pandangan Malaysia, Kerajaan Persekutuan bukan sahaja mempunyai kuasa langsung ke atas anggota dalam Persekutuan tetapi meliputi kawalan ke atas rakyat dalam Persekutuan termasuk tanah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan.

Dalam rangka Federalisme, Tunku ingin menjadikan Singapura sebuah unit dalam Persekutuan agar dapat mengawal aktiviti subversif di Singapura.[105] Satu kelebihan lain pula, tanggungjawab melaksanakan hubungan luar terletak di tangan Kerajaan Persekutuan. Pada awalnya, penggabungan dilihat tidak menguntungkan Kerajaan Persekutuan. Kuala Lumpur tidak melihat penggabungan satu faedah kepada negara,[106] malah mewujudkan ketidakseimbangan komposisi kaum antara Melayu-Cina yang kelak menjejas kekuatan politik UMNO dan ketuanan Melayu. Tunku menyedari dengan menyetujui penggabungan bererti mengurangkan kepercayaan UMNO dan orang Melayu terhadapnya. Rasional Tunku mahu Sabah dan Sarawak dimasukkan ke dalam skema penggabungan kerana kepentingannya dari segi kelangsungan politik Melayu walaupun idea ini tidak munasabah kerana penduduk Borneo berlainan etnik.[107] Kebimbangan ini mendorong Kuala Lumpur mengikut

---

[103] Lih. *Extract from the Agreement between the U.K Govt. and the Govt. of the Federation of Malaya on Ext. Defence and Mutual Assistance,* 12.10.57, Appendix A.

[104] Lih. CO 1030/481, *Saving from UK Commissioner Singapore to the S of S for the Colonies,* “Transfer of Powers Bill”, POL /7810, (Secret), No. 129, 23 November 1959.

[105] *The Straits Times*, 24 January, 1956, hlm. 1.

[106] Lih. Mohd. Noordin Sophiee, *From Malayan Union to Singapore separation*, hlm. 123-24.

[107] Lih. *Statistics Department of Singapore*, 1963. Pada tahun 1963, jumlah etnik Cina 3,850,000 manakala Melayu 3,710,000. Dengan kemasukan Singapura dalam PTM bermakna Cina mengatasi Melayu 160,000. Bilangan penduduk India 750,000 di Semenanjung dan 140,000 di

skema asal Britain dengan memasukkan Tanah Melayu dan Singapura bersama Sabah dan Sarawak atas permohonan Tunku. Bagi Kuala Lumpur, pembentukan Persekutuan Malaysia bertindak sebagai teras politik Melayu, dan bertanggungjawab terhadap keselamatan dalam negeri, hubungan antarabangsa dan pertahanan. Manakala, kedudukan Singapura dalam Persekutuan hanya satu konstituensi yang sama peranannya dengan NNM lain. Singapura diberi kuasa dalam bidang pendidikan dan perburuhan, serta autonomi lain namun peranannya kecil. Tuntutan Lee menyamakan kedudukannya sebagai Perdana Menteri tentu sekali tidak wajar sedangkan negeri lain di bawah Persekutuan seperti Sabah, Sarawak, Pulau Pinang dan Melaka menyandang jawatan Ketua Menteri.

Manakala, Lee melihat skema ini memberi manfaat dalam konteks kelangsungan ekonomi Singapura dan kedaulatan wilayah. Dari segi wibawa politik, Singapura mempunyai autonomi lebih besar berbanding sebelas negeri yang lain,[108] umpamanya tanggungjawab Singapura mengendali sendiri hal pendidikan dan perburuhan termasuk autonomi tempatan lain.[109] Dengan kemasukan itu, Singapura mendapat status bernegara, dan layak mengekalkan status di arena antarabangsa. Dan, lebih penting akses kepada rizab kewangan antarabangsa yang layak diterima sebagai ahli IBRD atau IMF bagi melaksanakan Pelan Pembangunan domestik. Berdasarkan status ini, Singapura layak menjalin hubungan dengan mana-mana negara semasa dalam Persekutuan berdasarkan undang-undang antarabangsa,[110] dan dapat melebarkan hubungan diplomatik dengan negara lain kerana wujud keyakinan sebagai anggota sah dalam IBRD atau IMF. Untuk mencapai maksud tersebut, Lee mendakwa 'langkah penggabungan dapat meningkatkan pembangunan ekonomi dan taraf hidup rakyat'.[111] Pembangunan ekonomi membolehkan PAP mendapat sokongan rakyat[112] untuk menghadapi Barisan Sosialis. Bagi meningkatkan pembangunan industri, kemudahan pelabuhan, pengangkutan, komunikasi, mobiliti, perniagaan dan peraturan kewangan yang cekap dapat menyumbang kepada asas pembangunan nasional.[113] Justeru, British cuba menyakinkan Singapura bahawa kemerdekaan akan diperolehi selepas penggabungan dengan Kerajaan Persekutuan. Kemasukan Singapura ke dalam Persekutuan membolehkan Singapura mencapai status merdeka secara automatik.[114] Sebagai sebuah entiti merdeka, Singapura akan memiliki kuasa mentadbir yang lebih luas daripada status sebelumnya serta penghormatan di peringkat antarabangsa.

Pada dasarnya, Barisan Sosialis setuju idea penggabungan Singapura dengan Malaysia tetapi skema penggabungan harus meletakkan Singapura mendapat

---

Singapura memberi kelebihan orang Cina atas dasar memperjuangkan hak imigran yang saksama. Di Tanah Melayu, jumlah Melayu 3,500,000 manakala Cina 2,600,000. Di Singapura jumlah orang Cina ialah 1,250,000 manakala Melayu 210,000.

[108] Sebelas negeri yang dimaksudkan ialah Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Pulau Pinang dan Melaka.

[109] FO 1091/105, *Letter from the Prime Minister, Tunku Abdul Rahman Putra, Federation of Malaya, Kuala Lumpur, to the Hon. Mr. Lee Kuan Yew, Prime Minister*, Singapore, PERMENT, 11th November 1961.

[110] Sila lihat J.G. Starke, *An introduction to International Law*, London, 1963, hlm. 104.

[111] *The Strait Times*, 5.2.60, hlm. 7; Lih. Lim Tay Boh, "Problems of Malayan economy background to Malayan", *Report on the economic aspects of Malaysian IBRD*, Series No. 10:3.

[112] Lih. Bertrand de Jouvenel, *Sovereignty: an inquiry into the political good*, 4th impression, The University of Chicago Press, Chicago, 1972, hlm. 32. Terjemahan oleh J.F. Huntington. Ia merupakan prestij apabila sesebuah politi mendapat sokongan; dan kegagalan tersebut mengurangkan sokongan terhadap institusi, organisasi atau kumpulan.

[113] Lee Kuan Yew, *The battle for merger*, hlm. 83-84.

[114] *Text of Speech by Dato' Mohd. Ghazali bin Shafie, Perm. Secy. for External Affairs*, Malaysia Confrontation: a manifestation of the Indonesian problem, 1st May 1964, hlm. 1.

kesaksamaan seperti negeri lain dalam persekutuan. Barisan Sosialis tidak setuju dengan penggabungan jika keselamatan dalam negeri Singapura dikawal Kerajaan Persekutuan. Hal ini berdasarkan kenyataan Tunku untuk mengambil tindakan tegas terhadap ancaman komunis dan golongan kiri.[115] Lee cuba mendapatkan bantuan kewangan daripada Kerajaan Britain untuk menubuhkan Regimen Infantri Batalion Kedua di Singapura. Menurut Lee, penubuhan pasukan keselamatan perlu menjelang hari penggabungan bagi mengelak berlaku sebarang peristiwa tidak diingini.[116] Golongan sosialis menganggap penyatuan ini cuba mengenepikan golongan sosialis daripada Persekutuan yang lebih besar. Golongan sosialis mendakwa langkah tersebut memudahkan Kerajaan Persekutuan membatasi hak kebebasan rakyat Singapura supaya mereka tidak mempunyai kuasa mempengaruhi politik Persekutuan. Golongan sosialis menganggap Kerajaan Persekutuan dapat mengawal dan membendung keselamatan Singapura dari ancaman Barisan Sosialis yang membahayakan kepentingan Kerajaan Persekutuan.[117] Akhirnya, Tunku menerima idea supaya penggabungan disegerakan bagi mengelak bantahan pihak pembangkang.[118] Barisan Sosialis melihat isu pegabungan itu membawa keuntungan politik kepada PAP. Oleh itu, Barisan Sosialis memanipulasi isu tersebut untuk menarik sokongan penduduk Singapura dengan menyatakan penggabungan itu sebagai matlamat imperialis atau neo-kolonialis. Justeru, Barisan Sosialis mendakwa pembentukan Persekutuan dianggap ciptaan Barat dan penampan bagi membendung ancaman komunis. Namun, dakwaan itu disangkal Britain dengan menegaskan ia bukan blok menentang China atau Indonesia.[119] Walaupun PAP berjaya mengenepikan pembangkang dalam pilihan raya 1959, namun kuasa menyeluruh belum memadai.

Melalui penggabungan, Singapura akan mendapat autonomi besar dan mengukuhkan lagi kedudukan politik Lee bagi menghadapi Barisan Sosialis.[120] Lee cuba menarik perhatian Kerajaan Persekutuan bahawa ancaman komunis di Singapura[121] mampu menggugat politik Tanah Melayu.[122] Jika hal ini berlaku, ia boleh mengubah struktur ekonomi dan sistem politik kedua-dua wilayah. Peringatan tersebut telah membawa kepada penahanan pemimpin Barisan Sosialis pada bulan Februari 1963 sebelum penggabungan lantas mengurangkan pengaruh golongan kiri.[123] Tunku menjelaskan Tanah Melayu telah berjaya menghapuskan ancaman komunisme, tetapi bimbang dengan peningkatan pengaruh komunis di wilayah British seperti Singapura, Sabah, Brunei dan Sarawak. Tunku menjelaskan corak eksploitasi komunis yang sama sedang berlaku di wilayah berkenaan.[124] Bagi mendapatkan sokongan orang Melayu mengenai perjuangan PAP, Lee menekankan bahawa sosialisme demokratik PAP tidak dipengaruhi oleh fahaman komunis. Bagi menarik perhatian pemimpin di Semenanjung Tanah Melayu, Lee berjanji akan meningkatkan

---

[115] Tunku Abdul Rahman, *Malaysia: key area in Southeast Asia*, hlm. 664-65.

[116] PREM 11/3735, *Record of Meeting bet. The Rt. Hon. Harold Watkinson, M.P, UK MOD, and Mr. Lee Kuan Yew, PM of The State of Singapore, in London*, (Conf.), on Monday, 14th May, 1962.

[117] Tulisan Lee Siew Choh, Barisan Sosialis stand on merger, *The Straits Times*, 11 Sept. 1961.

[118] PREM 11/3735, *Inward Telegram to the S of S for the Colonies from Singapore (The Rt. Hon.The Earl of Selkirk)*, 22 March 1962.

[119] Parliamentary Debates (Hansard), *House of Lords*, *Official Report*, vol. 252, no. 123, 26.7.63, col. 943.

[120] *Report of PAP Review Committee on work of government and party*, (Conf.), 1A, hlm. 8.

[121] Dewan Rakyat Proceedings, vol. 111, no. 16, 16 Oct 1961.

[122] Lee Kuan Yew, *The battle for merger*, hlm. 84.

[123] *Plebeian 2*, 21st March 1963.

[124] Tunku Abdul Rahman, Malaysia: key area in Southeast Asia, reprinted from Foreign Affairs, *An American Quarterly Review*, July 1965, hlm. 661.

kehidupan orang Melayu setanding orang bukan Melayu. Oleh itu, sebelum penggabungan Lee sangat berhati-hati mengenai soal menjaga perasaan orang Melayu dan Kerajaan Persekutuan, dan beliau dilihat bersedia menerima beberapa syarat penggabungan.

Antara lain, Singapura harus bersedia menerima 15 buah kerusi dalam Parlimen Persekutuan sebagai balasan Singapura mendapat autonomi tempatan yang besar manakala negeri Borneo mendapat 40 buah kerusi Parlimen walaupun penduduk Sabah dan Sarawak hanya 1.5 juta orang sedangkan Singapura 1.7 juta.[125] Kedua, Singapura bersedia meletakkan skop kuasa ke atas pertahanan, hal ehwal luar dan dalam negeri di bawah kawalan Britain. Ketiga, Singapura pada dasarnya bersetuju memperuntukkan nisbah pendapatan 60:40 untuk pembangunan wilayah Borneo. Berdasarkan syarat penggabungan itu, Singapura dikehendaki membayar 40% pendapatannya untuk perkhidmatan persekutuan,[126] dan menawar pinjaman $50 juta (dolar Singapura) untuk tempoh 15-20 tahun bagi membangunkan wilayah Borneo.[127]

Selepas menyertai Malaysia, nada Singapura mulai berubah. Singapura mula mempertikaikan kewajaran memperuntukkan sebanyak 40% pendapatannya untuk Kerajaan Persekutuan walaupun sebelum pengabungan beliau bersetuju dengan syarat tersebut. Lee menganggap pembayaran peruntukan itu terlalu besar kerana sebelum ini beliau meminta jumlah tersebut dikurangkan kepada 37% tetapi tidak diterima.[128] Menteri Kewangan Singapura, Lim Kim San menjelaskan Singapura hanya mampu 37% sahaja kerana perlu mengekalkan nisbah pendapatan negeri bagi pembangunan Singapura. Beliau cuba memutar-belitkan kenyataan dengan membandingkan Pasaran Bersama dengan *Custom Union* di Eropah dengan alasan Malaysia meminta Singapura membayar yuran kemasukan yang dipohon oleh Menteri Kewangan Malaysia, Tun Tan Siew Sin.[129] Kerajaan Persekutuan menjelaskan wilayah Borneo memerlukan dana bagi pembangunan wilayah tersebut sebagai tanggungjawab negeri kaya membantu negeri mundur.[130] Kenyataan Singapura ternyata berlawanan dengan semangat setiakawan sebagai sebuah negeri dalam Persekutuan seperti dipersetujui di London pada bulan Jun 1962. Inisiatif Singapura mengendalikan hubungan luar sejak tahun 1964 telah meningkatkan prasangka Persekutuan.[131] Hal ini menunjukkan Singapura tidak lagi yakin kepada Pasaran Bersama seperti dipersetujui berdasarkan dokumen yang diserahkan oleh Tunku

---

[125] *Parliamentary Debates (Hansard), Extracts from House of Commons Official Report*, hlm. 4. Pada dasarnya, peruntukan 15 kerusi dipersetujui oleh Singapura seperti yang dibincangkan beliau bersama Tun Razak, Tun Dr. Ismail dan Tun Tan Siew Sin pada 29 Mei, 1963. Perkara tersebut telah dibawa ke Majlis Legislatif Singapura bagi memperkenalkan Bil untuk 15 kerusi pilihan raya. Lih. juga *Letter from Mr. Lee Kuan Yew, Prime Minister of Singapore, to Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, the Prime Minister of Federation of Malaya*, 11th June, 1963, Document VII. Lih. *Statement by the Prime Minister on Financial Discussions with the Federation of Malaya*, Doc. VI.

[126] Document X, Para 6(1), hlm. 228-29.

[127] Ibid., Para 9(a), hlm. 229-30. Lih. juga Parliamentary Debates (Hansard), *House of Lords, Official Report*, vol. 252, no. 123, 26 July 1963, col. 939-40.

[128] *Letter from Mr. Lee Kuan Yew, Prime Minister of Singapore, to Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, the Prime Minister of Federation of Malaya*, 11th June 1963.

[129] *Speech by the Minister for Finance, Mr. Lim Kim San, at the Singapore Manufacturer's Association luncheon at Imperial Room,* Singapore Government Press Statement. 19 November 1965.

[130] Document X, Para 6(1), hlm. 228-29.

[131] Lih. Peter Boyce, Policy without authority: Singapore's external affairs power, *JSAH,* 6(2), September, 1965; Michael Leifer, *Singapore's foreign policy: coping with vulnerability*, hlm. 29.

Abdul Rahman kepada Lee Kuan Yew.[132] Kegagalan Singapura mendapat Pasaran Bersama merupakan salah satu sebab perpisahan Singapura dari Malaysia. Namun begitu, isu ini hanyalah alasan Singapura supaya Singapura berpisah dari Malaysia apabila wujud salah faham dalam hubungan kedua-dua negara.

**Perpisahan Singapura Dari Malaysia**

Ketidaksefahaman dalam beberapa perkara antara Singapura dan Kerajaan Persekutuan akhirnya membawa perpisahan pada 9 Ogos, 1965. Situasi itu mempengaruhi corak politik dalaman dan hubungan Malaysia-Singapura di masa hadapan. Selepas berpisah, Singapura mengharapkan hubungan jiran berjalan lancar hingga ke peringkat antarabangsa. Namun, ketika dalam Malaysia keadaan mula berubah apabila Lee mendapati politik Malaysia dilihat bercanggah dengan hasrat Lee mewujudkan kerjasama ekonomi. Menurut Pengerusi Parti Rakyat Malaysia (PRM) Johor, Abdul Razak Ahmad, berkata ketika dalam Malaysia, Lee mempunyai misi tersendiri untuk menerajui negara yang baru dibentuk itu.[133] Ja'afar Albar, pemimpin UMNO mendesak Tunku menyekat pengaruh Lee di Tanah Melayu.[134] Pemimpin UMNO dan MCA bimbang kempen politik Lee ke atas Semenanjung Tanah Melayu.[135] Atas desakan itu, Tunku telah memisahkan Singapura dari Malaysia walaupun British kurang senang dengan tindakan Malaysia. British masih mengharapkan Singapura terus berada dalam Malaysia[136] tetapi tidak dapat dipenuhi oleh Malaysia.[137] Kesan perpisahan tersebut telah membawa kemerosotan dagangan Singapura-Malaysia.[138] Nilai dagangan Sabah dan Sarawak juga mengalami penurunan. Peningkatan dagangan Borneo-H.K memberi kesan ke atas nilai dagangan Singapura. Borneo terus meningkatkan dagangan langsung dengan China seperti dilakukan pada tahun 1957.[139] China dan Jepun juga mengalih permintaan terhadap getah Indonesia berdasarkan peningkatan import getah dari tahun 1960 hingga tahun 1966.

Walaupun Singapura berpisah dengan Malaysia ia tidak menjejaskan hubungan di antara kedua-dua buah negara. Tunku pernah menjelaskan kepada Sir Harold Wilson, iaitu Perdana Menteri Britain bahawa perpisahan dengan Singapura tidak mengubah hubungan Singapura dengan Malaysia.[140] Bagi Tunku, langkah susulan ialah menyusun semula kuasa pentadbiran antara Kerajaan Malaysia dan Singapura menjelang perpisahan. Pada 9 Ogos 1965, perisytiharan perpisahan telah diumumkan Tunku dan diikuti pengisytiharan kemerdekaan Singapura sejurus kemudian. Walaupun perpisahan memberi kesan ekonomi kepada kedua-dua negara hubungan tetap diteruskan. Berita perpisahan tersebut memberi sedikit kelebihan

---

[132] *Letter from Tunku Abdul Rahman, Federation of Malaya, Kuala Lumpur to the Hon. Mr. Lee Kuan Yew, Prime Minister of Singapore*, 20th June 1963, PERMENT, Doc. VIII. Lih. Financial Arrangements on Merger with Singapore.

[133] *Berita Harian* (Malaysia), 17 September 1998, hlm. 2.

[134] IM 1017/21, *Letter from M.A Marshall, JMID, CRO/FO to P.A Mansfield, Esq.*, Paris, 24.9.1965.

[135] PREM 13/589, *Address from KL to CRO, Telegram No. 1340* , (Secret), 8th August 1965.

[136] DO 187/60, *Letter from Mr. P.B.C Moore, BHC Singapore to Mr. J.R.A Bottomley*, BHC, KL, 19.12.64.

[137] PREM 13/1833, *Record of meeting bet. The FS and the PM of S'pore*, 2.7.66, Doc. No. 15.

[138] Amy Leong, *Agriculture development in Singapore*, hlm. 5.

[139] *Speech of the Chairman, Mr. F.L. Lane at the Extra General Meeting on 20.9.57,* SCC, Singapore.

[140] WO 32/21398, *Personal Telegram from Tunku Abdul Rahman Putra, The PM of Malaysia to The Rt. Hon. Harold Wilson, The PM of Britain, London*, (Top Secret), 2nd March 1965.

moral dan ekonomi kepada Indonesia. Selepas berpisah dari Malaysia, Lee mengakui kepentingan hubungan Singapura-Malaysia.

Menurut beliau, kemakmuran Malaysia perlu kepada kelangsungan Singapura dan begitulah sebaliknya.[141] Pembangunan Singapura dikatakan lambat disebabkan pasaran domestik, modal tempatan, tenaga keusahawanan dan bakat mengurus yang kecil serta kestabilan politik tidak menentu untuk menarik modal pelaburan sepanjang 1950-an. Menteri Kewangan Singapura Lee Kim San menggesa golongan usahawan mencari pasaran eksport memandangkan pasaran domestik yang kecil.[142] Maka, untuk meningkatkan aktiviti pembuatan dan isipadu pengeluaran, Singapura harus mendapat sumber bahan mentah dari negeri-negeri dalam Persekutuan. Ia juga bertujuan menjayakan program ekonomi dan mencipta peluang pekerjaan untuk 10,000 orang setiap tahun[143] yang mampu meningkatkan kuasa beli dan taraf hidup penduduk.[144]

Walaupun Lee menyatakan Malaysia penting kepada Singapura, tetapi beliau tidak menunjukkan komitmen ke arah itu selepas berpisah dari Malaysia, umpamanya dalam soal pertahanan. Lee enggan menjalin kerjasama pertahanan walaupun menentang konfrantasi.[145] Ini bertentangan sama sekali dengan semangat setiakawan walaupun konfrantasi belum tamat. Namun, dari segi lain perjanjian pertahanan (mengikut versi Malaysia mengekalkan batalion Malaysia di Singapura selepas perpisahan) menimbulkan kesangsian Lee walaupun pertukaran Tentera Malaysia dari Singapura dipersetujui kedua-dua negara.[146] Tun Razak menjelaskan pertukaran tentera yang cepat akan menjejaskan keupayaan pihak berkuasa Singapura bertindak dengan berkesan.

Oleh itu, Tentera Malaysia masih kekal di pangkalan Woodlands apabila tentera Singapura yang berkhidmat di perbatasan Borneo pulang ke Singapura. Perjanjian 9 Ogos 1965 memberi kuasa kepada Malaysia membantu pertahanan luar Singapura dan Singapura pula bertindak membekalkan kemudahan sebagai langkah pertahanan luar Malaysia. Terdapat juga perjanjian sulit antara dua negara itu, iaitu Singapura boleh meminta bantuan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk keselamatan dalamannya,[147] tetapi Singapura tidak yakin ATM dapat melaksanakan tugas dengan berkesan.

Merujuk perjanjian ini, Malaysia akan terus menempatkan tentera di Singapura, dan Singapura menyediakan satu daripada batalion tentera berkhidmat di Borneo untuk menentang konfrantasi Indonesia. Kedua-dua negara bersetuju menjelang kembalinya batalion Singapura dari Borneo, Tentera Malaysia akan mengundurkan tentera dari Singapura bagi menyerahkan berek tentera untuk batalion Singapura. Namun, Goh mempersoalkan tindakan Malaysia mengekalkan tentera di Woodlands. Apabila batalion Singapura kembali ke Singapura terjadi rusuhan kaum

---

[141] Parliamentary Debates, Singapore, vol. 24, 17 December , 1965, col. 295.

[142] *Speech by the Minister for Finance, Mr. Lim Kim San, at the Singapore Manufacturer's Association luncheon at Imperial Room, November 19, 1965*, Singapore Government Press Statement.

[143] *Speech by the PM Mr Lee Kuan Yew, when he opened the seminar* on "the role of universities in economic and social development" at the Universtity of Singapore on 7.2.66. Dari segi gunatenaga, sektor industri pembuatan meningkat 188,701 pada 1965 berbanding 178,787 pada 1963. *Budget statement presented to Parliament,* on 9 March 1970.

[144] *The Straits Times,* 29 May 1958.

[145] IM 1141/33/G, *Address from S'pore to CRO (British Govt. Rep. Ad Interim),* Conversation with Lee on Barter Trade and S'pore/Malaysia relations, Telegram No. 603, (Secret), 2. 11.65.

[146] IM 1043/6, *Address from Sir M. Walker, Kuala Lumpur,* Press release of Tun Razak's statement after weekly cabinet meeting on 10.5.1966.

[147] IM 1043/7, *Discussion with Dr. Toh Chin Chye about MSR,* (Secret), 14 February 1966.

pada 1 Februari 1966 ekoran kegagalan menangani rekrut Cina dan Melayu menganggotai tentera Singapura. Semasa Setiausaha Pertahanan British iaitu Dennis Healey berada di Singapura pada 4 Februari, Lee menyatakan ia tidak mampu mengekalkan undang-undang dan keamanan di Singapura. Lee bertanya sama ada Tentera British boleh ditempatkan di Singapura untuk mengekalkan keamanan republik itu. Namun, Britain tidak dapat memenuhi permintaan tersebut. Lee bimbang risiko rusuhan kaum jika Tentera Malaysia diberi tugas menjaga keamanan Singapura. Lee tidak yakin Tentera Malaysia dapat melakukan tugas dengan berkesan kemungkinan mereka bersimpati dengan orang Melayu. Menurut Lee, kehadiran Tentera British dapat meredakan keadaan.[148] Tambahan pula, beliau bimbang Malaysia menggunakan kekuatan sebagai *Fifth Column* iaitu mewujudkan *coup d'etat* menjatuhkan beliau. Maka, pada 4 Februari Malaysia memaklumkan ia tidak bercadang mengundurkan tentera dari Singapura mengikut syarat Perjanjian Perpisahan. Kenyataan tersebut menimbulkan keresahan Singapura mengenai keselamatannya selepas peristiwa rusuhan 1 Februari kerana tidak yakin kemampuan Tentera Malaysia menangani peristiwa tersebut dengan berkesan. Disebabkan prasangka tersebut, maka persetujuan ke atas kerjasama ekonomi dengan perjanjian pertahanan menemui kebuntuan.[149] Pengunduran Tentera British mulai Julai 1967 mungkin membawa implikasi ekonomi dan politik,[150] walaupun ada jaminan keselamatan.[151] Britain akan membantu pertahanan Malaysia termasuk Sabah, Sarawak dan Singapura.[152] Namun, Singapura harus memikirkan semula masalah keselamatan serantau ekoran pengunduran British dari rantau ini.[153]

Dari segi ekonomi, pengunduran tersebut dianggap kehilangan sumber ekonomi kepada rakyat Singapura. Justeru, Singapura mengharapkan hubungannya dengan Indonesia dapat dipulihkan semula[154] kerana Singapura mempunyai kepentingan ekonomi dengan negara itu. Singapura perlu memulihkan hubungan dagang dengan Indonesia untuk menjana perkembangan ekonomi.[155] Untuk itu, langkah Presiden Suharto menghentikan Konfrantasi dengan Malaysia membawa

---

[148] PREM 13/1833, *Address from S'pore to CRO (BHC),* (Secret), Telegram No. 64, 1.2.66.

[149] IM 1043/6, 10.3.66, Statement from Mr. M. Walker, (Secret), KL, MSR, press release of Tun Razak's statement after weekly cabinet meeting on 10 May 1966."

[150] *Foreign Affairs Malaysia,* vol. 1, no. 6, September 1967, hlm. 34-36.

[151] Murugesu Pathmanathan, *Malaysian defence policy: the phasing out of the AMDA*, The Eight Conference International Association of Historians of Asia, KL, 25th-29th Aug 1980, hlm. 9-10; *Summary Sheet British Grant in Aid, Stores of UK origin purchased during period 1963-65*, Armed Forces summary. Bantuan Geran dari Britain ialah pembelian peralatan tentera darat $27,359,706.34, laut $66,082,231.71 dan udara $28,780,973.80), jumlah keseluruhan $27,359,706.34. Lih *A review of defence expenditure 1967 from the Treasury*, KL, (Conf.), 29th August 1966, hlm. 1-6.

[152] Suruhanjaya Tinggi UK diminta menyalurkan pendahuluan $15.92 juta untuk pertahanan Malaysia bagi tempoh tiga suku pertama sehingga menunggu keseluruhan akaun bagi tahun 1965. Lih. *British Aid for Malaysian Defence 1963-1965,* (£14.5 mil.), Kotak G, Minute Paper No.0.9041/15, hlm. 1. Lih. *Letter from A.E. Cotton, Flight Lieutenant b/p Timbalan Ketua Turus Tentera Udara, 28.10.66 to Bahagian Kewangan*, Surat Peringatan (Bahagian Turus Tentera Udara), AIR/C.5164/1/FIN., UK Defence Aid Fund 1963-65.

[153] Murugesu Pathmanathan, *Malaysian defence policy: the phasing out of the AMDA*, hlm. 13.

[154] IM 1043/6, *Addressed from KL to CRO, (BHC)*, Telegram No. 602, (Secret), 11 May 1966.

[155] Question by Wee Swee Teow dlm. *BMA (M) HQ General*, Ch. 36/45. Lih. juga *Letter from M.T. Pagden, S.O. 11, Chinese Affairs, Chinese Secretariat to Chief Staff Office*, HQ, BMA, *S'pore, and Food Controller*, HQ, BMA Singapore Div. S.O. 1, Labour HQ, BMA, Singapore Div. 23/45, 20.10.45.

kesan positif kepada hubungan dagang kedua-dua negara.[156] Walaupun hubungan diplomatik belum terjalin sepenuhnya, namun perjanjian ke atas perdagangan, perkapalan, perkhidmatan udara, *portal*, telefon dan komunikasi telegraf telah ditandatangani dengan Indonesia. Hubungan dagangan kembali aktif, dan terdapat barang dagangan Singapura dalam pasaran Indonesia. Begitu juga, kapal Indonesia 'PELNI' telah membuka perkhidmatan dengan Singapura, dan kapal Indonesia dibenarkan mengibarkan bendera Singapura untuk masuk ke pelabuhan utama membawa komoditi eksport. Halangan eksport produk ke Singapura telah dihapuskan dan ini akan merancakkan kembali hubungan dagang kedua-dua negara.

Namun, cubaan Singapura mendapat pengiktirafan Indonesia telah mengundang kemarahan Malaysia sejurus berpisah dari Malaysia. Singapura menyatakan ia gagal mendapat kerjasama ekonomi dengan Malaysia, tetapi agak menghairankan apabila Singapura terus membenarkan dagangan tukaran barang dengan Indonesia. Singapura cuba menjalin semula hubungan dengan Indonesia seandainya, Malaysia mengalihkan eksport getahnya dari Singapura. Jika hal ini berlaku, Singapura cuba mendapatkan kembali dagangan getah dari Indonesia yang terhenti sejak tercetusnya Konfrantasi.[157] Singapura sebenarnya menghadapi tekanan daripada Indonesia yang melarang penggunaan pangkalan Singapura kepada Tentera Amerika Syarikat, dan terpaksa akur sekiranya ingin menjalin semula hubungan dengan negara itu. Singapura juga menghadapi tekanan daripada para saudagar Cina di Singapura. Sejak perpisahan dengan Malaysia, saudagar Singapura telah melahirkan kebimbangan mereka mengenai kejatuhan harga lada hitam dan berharap hubungan dengan Indonesia akan dapat memulihkan kembali harga tersebut. Keadaan ekonomi masih tidak menentu sejak bulan Ogos 1965. Ini kerana terdapat kecenderungan ahli perniagaan Singapura memindahkan wang hampir S$1 juta dari akaun bank mereka ke H.K. Syarikat perkapalan Singapura juga menjual muatan mereka ke negara yang mempunyai matawang yang kukuh dan membuka akaun mereka di H.K atau Jepun.[158] Kerajaan Australia cuba memujuk Kerajaan Malaysia supaya bersimpati dengan masalah ekonomi Singapura,[159] dan menghentikan tindakan ketenteraan menghalang Singapura menjalankan perdagangan tukaran barang.

Goh memberi alasan bahawa Singapura sedang menghadapi masalah ekonomi dan pengangguran, tetapi Tunku menjawab kesulitan ekonomi adalah perkara biasa sewaktu perang. Maka, tindakan Singapura menjalinkan hubungan dagang dengan Indonesia tidak sesuai ketika perang masih berlaku tetapi Singapura meneruskan hasrat menghidupkan kembali aktiviti tukaran barang yang terhenti sejak Ogos 1964. Singapura tidak cuba menghentikan perdagangan tukaran dengan Indonesia sedangkan Indonesia tidak memerlukan aktiviti tersebut kerana ia boleh mengeksport kesemua komoditinya ke tempat lain tanpa perlu melalui Singapura.[160]

Jadi, Singapura dilihat dalam keadaan terdesak untuk meneruskan juga aktiviti dagangan dengan Indonesia serta cuba mengkhianati Malaysia. Tunku berkeras tidak membenarkan Singapura meneruskan aktiviti tukaran barang dengan Indonesia, dan memberi amaran akan menyerang kapal Indonesia jika Singapura berdegil. Alasan Tunku ialah Malaysia berhak memasuki perairan Singapura, dan mendakwa Tentera

---

[156] Jalil Harun & M.Y. Kormin, *Trade medium for Indonesia-Singapore*, Usaha Enterprises, Singapore, 1967, hlm. 23.

[157] *Financial Times*, 17.8.1965.

[158] *The Economist*, Chinese money out of Singapore, 10 September 1965.

[159] IM 1141/51G, *Australian's view on the barter trade and the best course of concerted action*, Lih. *Address to Sir C. Johnston, CRO,* (Top Secret), Telegram No. 1402, 19 November 1965.

[160] IM 1043/6, *Address from Jakarta to FO*, Telegram No. 2405, 1 November 1965.

